



MODUL MINDA MAQQASID



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
(JAKIM)



MODUL MINDA MAQQASID



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
(JAKIM)

ISI KANDUNGAN

KATA PENGANTAR	iiiv
PEMETAAN MODUL MINDA MAQASID	1
PENGENALAN MODUL MINDA MAQASID	3
1. SINOPSIS MODUL MINDA MAQASID	3
2. OBJEKTIF MODUL	3
3. HASIL PEMBELAJARAN	4
4. KANDUNGAN	4
MODUL UNIT 1: PENGENALAN DAN KONSEP MAQASID AL- SHARI`AH	6
1. SINOPSIS	7
2. OBJEKTIF	7
3. HASIL PEMBELAJARAN	7
4. KANDUNGAN	8
5. PERINCIAN KAEDAH PELAKSANAAN	8
MANUAL UNIT 1: PENGENALAN DAN KONSEP MAQASID AL- SHARI`AH	10
Subunit 1.1: Pengenalan <i>Maqasid al-Shari`ah</i>	11
Subunit 1.1.1: Sejarah Perkembangan <i>Maqasid al-Shari`ah</i>	11
Subunit 1.2 : Konsep Umum <i>Maqasid al-Shari`ah</i>	18
Subunit 1.3 : Kategori <i>Maqasid al-Shari`ah</i>	20
Subunit 1.3.1 : <i>Maqasid al-Shari`ah</i> Berdasarkan <i>Qasdu al-Syari'</i> (Objektif Pencipta) dan <i>Qasdu Mukallaf</i> (Objektif Manusia)	20
Subunit 1.3.2: <i>Maqasid al-Shari`ah</i> Berdasarkan Kesyumulan Syariah	24
Subunit 1.3.3: <i>Maqasid al-Shari`ah</i> Berdasarkan Kekuatan <i>Maslahah</i>	26
Subunit 1.3.4: <i>Maqasid al-Shari`ah</i> Berdasarkan Prinsip-Prinsip Umum <i>Sharī`ah</i>	28
Subunit 1.4 : Hubungan <i>Maqasid al-Shari`ah</i> dengan Dalil yang Disepakati dan Dalil yang Tidak Disepakati	30
Subunit 1.5: Objektif (Maqasid) yang Tetap dan Mekanisme (Wasilah) yang Berubah	36
MODUL UNIT 2: MINDA MAQASID	38
1. SINOPSIS	39
2. OBJEKTIF	39
3. HASIL PEMBELAJARAN	39
4. KANDUNGAN	40
5. KAEDAH PELAKSANAAN	40

MANUAL UNIT 2: MINDA MAQASID	42
Subunit 2.1 : Takrif Minda Maqasid	43
Subunit 2.2 : Faedah-faedah Minda Maqasid	43
Subunit 2.3 : Kaedah-kaedah Minda Maqasid	47
Subunit 2.4 : Ruang Aplikasi Minda Maqasid	49
MODUL UNIT 3: IMPLIKASI MINDA MAQASID KEPADA KUMPULAN PELAKSANA	58
1. SINOPSIS	59
2. OBJEKTIF	59
3. HASIL PEMBELAJARAN	59
4. KANDUNGAN	59
5. KAEDAH PELAKSANAAN	60
MANUAL UNIT 3: IMPLIKASI MINDA MAQASID KEPADA KUMPULAN PELAKSANA	62
MODUL UNIT 4: APLIKASI MINDA MAQASID DALAM TADBIR URUS	66
1. SINOPSIS	67
2. OBJEKTIF	67
3. HASIL PEMBELAJARAN	68
4. KANDUNGAN	68
5. KAEDAH PELAKSANAAN	69
MANUAL UNIT 4: APLIKASI MINDA MAQASID DALAM TADBIR URUS	70
Subunit 4.1: <i>Maqasid al-Shari'ah</i> dalam Tadbir Urus	71
Subunit 4.1.1: Definisi Tadbir Urus	71
Subunit 4.1.2: Konsep Tadbir Urus dalam Islam	71
Subunit 4.1.3: Objektif Tadbir Urus	72
Subunit 4.2: Nilai dalam Tadbir Urus Berteraskan <i>Maqasid al-Shari'ah</i>	73
Subunit 4.3: Minda Maqasid dalam Penggubalan Dasar dan Polisi	77
Subunit 4.3.1: Ciri Pemikiran	77
Subunit 4.3.2: Penetapan <i>Maslahah</i>	77
Subunit 4.3.3: Elemen Utama dalam Penggubalan Dasar	78
Subunit 4.3.4: Perancangan Strategik	82
Subunit 4.4: Minda Maqasid dalam Pelaksanaan Dasar dan Polisi	84
Subunit 4.4.1: Syura dalam Pembuatan Keputusan	86
Subunit 4.4.2: Kaedah Maqasid Dalam Membuat Keputusan	89
Subunit 4.4.3: Pertimbangan Berdasarkan Keutamaan	91
Subunit 4.5: Minda Maqasid dalam Penilaian Dasar dan Polisi	92
Subunit 4.6: Kajian Kes	
AHLI PANEL MODUL MINDA MAQASID	93
SENARAI RUJUKAN	94

KATA PENGANTAR

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Alhamdulillah, segala puji dan syukur kami panjatkan kepada Allah SWT atas segala limpahan rahmat serta hidayah-Nya. Segala puji bagi Allah SWT yang telah memberikan nikmat keimanan dan ilmu pengetahuan kepada kita semua.

Modul Minda Maqasid yang dibangun ini adalah hasil daripada usaha yang berterusan untuk membentuk pemahaman yang mendalam mengenai prinsip-prinsip yang mendasari *Maqasid al-Shari'ah* untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian. *Maqasid al-Shari'ah* bukan sahaja ilmu yang perlu diketahui dalam lapangan penetapan hukum syarak, bahkan dalam menapak perjalanan hidup ini, penting bagi kita untuk membentuk Minda Maqasid kerana pemikiran tersebut dapat mendidik kita bertindak selaras dengan kehendak syarak dari sekecil-kecil tindakan bagi seseorang individu sehinggalah ke tahap pentadbiran negara.

Modul Minda Maqasid adalah modul pertama yang seumpamanya. Pembangunan Modul ini tercetus setelah buku Minda Maqasid berjaya diterbitkan oleh JAKIM pada tahun 2020. Tujuan modul ini dibangun ialah untuk memberi kesedaran tentang kepentingan pemahaman *Maqasid al-Shari'ah* kepada semua lapisan masyarakat. Kedua ia bertujuan untuk membentuk minda Maqasid dengan memfokuskan kepada matlamat akhir iaitu mencapai keredaan Allah dalam apa jua tindakan. Selain itu, ia bertujuan untuk memahami kaedah pengaplikasian *Maqasid al-Shari'ah* dalam pengurusan kehidupan berdasarkan pertimbangan antara kebaikan (*maslahah*) dan keburukan (*mafsadah*).

Modul ini direka dengan menggunakan pendekatan yang sistematik dan mudah difahami agar masyarakat dapat memperoleh pemahaman yang mendalam dan aplikatif mengenai kepentingan *Maqasid al-Shari'ah* dalam mengurus kehidupan individu dan masyarakat secara keseluruhan.

Malaysia sebagai sebuah negara MADANI, telah memetakan dan memperkukuhkan struktur masyarakat berteraskan nilai, etika, dan akhlak. Pengukuhan ini turut diperkasa melalui peranan Kerajaan dalam penggubalan dasar dan polisi dalam pelbagai bidang pentadbiran negara. Tujuan pengukuhan dasar berpandukan *Maqasid al-Shari'ah* adalah untuk memastikan pembangunan fizikal dan material negara tidak mengabaikan kepentingan nilai, akhlak serta spiritual. Sehubungan itu, modul ini akan memandu pembuat dasar untuk berfikir secara Maqasid, meneroka hikmah Ilahi untuk dilestarikan dalam pembangunan dan pengurusan negara yang lebih strategik ke arah kemampanan tadbir urus yang baik.

Modul ini mengandungi 2 bahagian iaitu Bahagian 1 meliputi unit 1 hingga unit 4 sebagai modul wajib. Unit 1 menyentuh secara teori berkenaan ilmu *Maqasid al-Shari'ah* dan juga sejarah perkembangannya yang mana ilmu ini wajib diketahui oleh semua masyarakat kerana ianya datang daripada sumber utama iaitu al-Quran dan sunnah. Manakala Unit 2 adalah berkaitan Minda Maqasid dan kaedah-kaedah aplikasinya. Unit 3 menekankan tentang implikasi Minda Maqasid kepada kumpulan pelaksana seperti individu, keluarga, masyarakat, organisasi dan juga kerajaan. Unit 4 pula menerangkan tentang kaedah-kaedah aplikasi Minda Maqasid dalam tadbir urus negara melalui dasar-dasar dan polisi negara.

Manakala, pada tahun 2024, Modul Minda Maqasid (Bahagian 2) akan dibangunkan sebagai kesinambungan Modul Minda Maqasid (Bahagian 1) ini. Bahagian 2 merangkumi Unit 5 hingga Unit 11 yang mana ia merupakan modul pilihan yang memfokuskan kepada aplikasi Minda Maqasid dalam pengukuhan dasar melalui bidang-bidang utama pentadbiran negara, iaitu pendidikan, kesihatan, keselamatan, ekonomi, budaya, prasarana dan teknologi.

Selain itu, modul ini juga menyediakan pelbagai contoh dan latihan praktikal yang membantu masyarakat, secara umumnya, mengaplikasikan konsep-konsep *Maqasid al-Shari'ah* dalam kehidupan seharian. Kami yakin bahawa melalui pembelajaran yang berterusan dan aplikasi yang konsisten, masyarakat akan dapat memperkayakan minda mereka serta meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan *Maqasid al-Shari'ah* dalam mengekalkan nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat.

Oleh itu, kami ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada ahli panel pembangunan modul yang telah memberi sokongan dan sumbangan yang berterusan. Semoga modul minda Maqasid ini dapat memberi manfaat yang berkekalan kepada semua pihak.

Akhir kata, semoga Allah merahmati usaha ini untuk meningkatkan pemahaman kita semua tentang *qasdu al-Shari'* melalui penaaakulan terhadap al-Quran dan Sunnah dan seterusnya diterjemahkan dalam kehidupan untuk mencapai kebahagiaan dan kesejahteraan yang sebenar.

Editor

PEMETAAN MODUL MINDA MAQASID

PENGENALAN MODUL MINDA MAQASID

Unit 1	:	Pengenalan dan konsep <i>Maqasid al-Shari`ah</i>
Unit 2	:	Minda Maqasid
Unit 3	:	Implikasi Minda Maqasid
Unit 4	:	Aplikasi Minda Maqasid dalam Tadbir Urus

UNIT 1

PENGENALAN DAN KONSEP *MAQASID AL-SHARI`AH*

Subunit 1.1	:	Pengenalan <i>Maqasid al-Shari`ah</i>
Subunit 1.1.1	:	Definisi <i>Maqasid al-Shari`ah</i>
Subunit 1.1.2	:	Sejarah Perkembangan <i>Maqasid al-Shari`ah</i>
Subunit 1.2	:	Konsep Utama <i>Maqasid al-Shari`ah</i>
Subunit 1.3	:	Kategori <i>Maqasid al-Shari`ah</i>
Subunit 1.3.1	:	<i>Maqasid al-Shari`ah</i> Berdasarkan Objektif Sharak dan Objektif Mukalaf
Subunit 1.3.2	:	<i>Maqasid al-Shari`ah</i> Berdasarkan Kesyumulan Syariah (Umum, khusus dan juzuk)
Subunit 1.3.3	:	<i>Maqasid al-Shari`ah</i> Berdasarkan Kekuatan Masalahah
Subunit 1.3.4	:	<i>Maqasid al-Shari`ah</i> Berdasarkan Prinsip-Prinsip Umum Shari`ah
Subunit 1.4	:	Hubungan <i>Maqasid al-Shari`ah</i> dengan Dalil yang Disepakati dan Dalil yang Tidak Disepakati
Subunit 1.5	:	Objektif yang Tetap dan Mekanisme (Wasilah) yang Berubah

UNIT 2

MINDA MAQASID

Subunit 2.1	:	Takrif Minda Maqasid
Subunit 2.2	:	Faedah-faedah Minda Maqasid
Subunit 2.3	:	Kaedah-kaedah Minda Maqasid
Subunit 2.4	:	Aplikasi Minda Maqasid

UNIT 3

IMPLIKASI MINDA MAQASID

- Subunit 3.1 : Kepentingan Minda Maqasid kepada Individu
- Subunit 3.2 : Kepentingan Minda Maqasid kepada Keluarga
- Subunit 3.3 : Kepentingan Minda Maqasid kepada Masyarakat
- Subunit 3.4 : Kepentingan Minda Maqasid kepada Organisasi
- Subunit 3.5 : Kepentingan Minda Maqasid kepada Kerajaan

UNIT 4

APLIKASI MINDA MAQASID DALAM TADBIR URUS

- Subunit 4.1 : Minda Maqasid dalam Tadbir Urus
- Subunit 4.1.1 : Definisi Tadbir Urus
- Subunit 4.1.2 : Konsep Tadbir Urus dalam Islam
- Subunit 4.1.3 : Objektif Tadbir Urus
- Subunit 4.2 : Nilai dalam Tadbir Urus Berteraskan *Maqasid al-Shari'ah*
- Subunit 4.3 : Minda Maqasid dalam Penggubalan Dasar dan Polisi
- Subunit 4.3.1 : Ciri-ciri Pemikiran
- Subunit 4.3.2 : Penetapan *Maslahah*
- Subunit 4.3.3 : Elemen Utama Dalam Penggubalan Dasar
- Subunit 4.3.4 : Perancangan Strategik
- Subunit 4.4 : Minda Maqasid dalam Pelaksanaan Dasar dan Polisi
- Subunit 4.4.1 : Syura dalam Pembuatan Keputusan
- Subunit 4.4.2 : Kaedah Maqasid dalam Membuat Keputusan
- Subunit 4.4.3 : Pertimbangan Berdasarkan Keutamaan
- Subunit 4.5 : Minda Maqasid dalam Penilaian Dasar dan Polisi
- Subunit 4.6 : Kajian Kes

PENGENALAN MODUL MINDA MAQASID

1. SINOPSIS MODUL MINDA MAQASID

Modul Minda Maqasid ini dibangunkan sebagai sumber pembelajaran yang lengkap dan terperinci untuk menerangkan tentang konsep dan kaedah penerapan *Maqasid al-Shari`ah* yang wajar diketahui oleh setiap lapisan masyarakat. Pengetahuan tentang ilmu *Maqasid al-Shari`ah* adalah penting untuk mengetahui kesempurnaan hukum Allah SWT, kerana Allah tidak membuat sesuatu perkara melainkan dengan hikmah yang sempurna, sama ada diketahui oleh hamba-Nya atau tidak atas dasar konsep keraian *al-Khaliq* terhadap makhluk.

Kefahaman yang mendasar terhadap *Maqasid al-Shari`ah* mampu membentuk pemikiran manusia ke arah bertujuan dalam memahami pensyariaan Allah SWT.

Justeru, Minda Maqasid ini dibina khusus untuk membentuk pemikiran masyarakat ke arah Minda Maqasid. Modul Minda Maqasid ini akan menjelaskan tentang kaedah-kaedah aplikasi Minda Maqasid dalam tadbir urus melalui aspek kehidupan harian sehingga ke tahap pentadbiran negara sekaligus ianya dapat menghasilkan elemen nilai (*value*) dalam perspektif *Maqasid al-Shari`ah* ke arah kemampaan tadbir urus serta mengangkat darjat kemuliaan insan.

Hasil daripada pelaksanaan Modul ini diharap dapat membantu masyarakat lebih memahami Maqasid sekaligus menjadikan masyarakat berminda Maqasid dalam sistem kehidupan berdasarkan konsep meraih kebaikan (*maslahah*) dan menolak keburukan (mafsadah) untuk mencapai kebahagiaan dan kesejahteraan yang seimbang.

2. OBJEKTIF MODUL

Modul Minda Maqasid ini adalah merupakan salah satu latihan dan kursus yang boleh digunakan oleh mana-mana Institusi Latihan Awam dan Swasta dan juga mana-mana Kementerian, Agensi Awam dan juga Swasta, Jabatan Agama Islam Negeri, Majlis Agama Islam Negeri, Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, Industri dan semua pihak yang berkepentingan untuk menyebarkan, membudaya, serta merealisasikan Minda Maqasid dalam urusan kehidupan.

Objektif modul ini ialah:

- i. Memberi kesedaran (*awareness*) kepada semua lapisan masyarakat tentang kepentingan dan pemahaman *Maqasid al-Shari`ah* ke arah kemampaan tamadun Islam;
- ii. Membentuk Minda Maqasid yang betul dengan memfokuskan kepada matlamat akhir iaitu mencapai keredhaan dan keberkatan Allah SWT dalam apa jua tindakan;
- iii. Memahami kaedah pengaplikasian *Maqasid al-Shari`ah* dalam pengurusan kehidupan berdasarkan kaedah pertimbangan antara kebaikan (*maslahah*) dan keburukan (mafsadah).
- iv. Menjelaskan teori Minda Maqasid dan aplikasinya dalam pengurusan dan pentadbiran.

3. HASIL PEMBELAJARAN

Setelah mengikuti modul ini peserta akan dapat:

- i. Pendedahan tentang objektif pensyariaan yang terdapat dalam Al-Quran dan sunnah;
- ii. Memahami konsep dan pengertian *Maqasid al-Shari`ah* dengan pemikiran senada;
- iii. Membantu proses membuat keputusan berdasarkan pertimbangan antara *maslahah* dan mafsadah;
- iv. Mengaplikasi Minda Maqasid dalam pentadbiran dan pengurusan.

4. KANDUNGAN

Modul Minda Maqasid ini mengandungi empat (4) unit seperti berikut:



5. KAEDAH PELAKSANAAN

Pelaksanaan Modul ini menggunakan beberapa kaedah, antaranya:

- i. Ceramah interaktif secara dua hala dengan menjelaskan dan menerangkan dengan menggunakan bahan ajar secara bertulis;
- ii. Sistem pembelajaran yang komprehensif dan menyeluruh sebelum, semasa, dan selepas latihan dengan menggunakan kaedah Maqasid (*Maqasid Methodology*);
- iii. Kajian kes dengan menganalisa contoh kes untuk memahami aplikasi Minda Maqasid mengikut bidang pentadbiran dan pengurusan serta aplikasi dalam kehidupan harian.
- iv. Perbincangan kumpulan untuk penyelesaian kajian kes di mana setiap ahli kumpulan perlu memberi sumbangan yang konstruktif untuk mengenal pasti masalah utama, menganalisis data, dan mencadangkan langkah-langkah penyelesaian yang sesuai mengikut kaedah-kaedah Minda Maqasid.

MODUL UNIT 1

PENGENALAN DAN KONSEP *MAQASID* *AL-SHARI'AH*

MODUL UNIT 1: PENGENALAN DAN KONSEP *MAQASID AL-SHARI'AH*

1. SINOPSIS

Unit ini memberi pendedahan berkaitan konsep *Maqasid al-Shari'ah*. Ilmu *Maqasid al-Shari'ah* yang merangkumi beberapa aspek yang berkaitan. Sebagaimana maklum, ilmu *Maqasid al-Shari'ah* telah bermula pada zaman Rasulullah SAW, namun dari segi terminologi, ianya tidak dinamakan sebagai "*Maqasid al-Shari'ah*" kerana pada zaman Rasulullah SAW, al-Quran dan Sunnah telah menjadi panduan untuk menjelaskan objektif dan hikmah di sebalik sesuatu perintah dan larangan. Objektif dan hikmah itulah sebenarnya dalam konteks hari ini dinamakan sebagai "*Maqasid al-Shari'ah*" yang dibahaskan dalam kerangka yang lebih kemas dan tersusun. Selain itu, tajuk ini juga menghuraikan kategori *Maqasid al-Shari'ah* mengikut beberapa pandangan pelopor teori *Maqasid al-Shari'ah* dan hubungan *Maqasid al-Shari'ah* dengan dalil-dalil yang disepakati dan dalil-dalil yang tidak disepakati. Perbezaan antara maqasid (objektif) dengan wasilah (mekanisme) juga akan diterangkan lebih lanjut dalam pengakhiran bab ini.

2. OBJEKTIF

- i. Menerangkan maksud dan konsep *Maqasid al-Shari'ah* serta perkembangannya;
- ii. Menerangkan kategori *Maqasid al-Shari'ah*;
- iii. Menjelaskan hubung kait *Maqasid al-Shari'ah* dengan dalil yang disepakati dan tidak disepakati; dan
- iv. Menjelaskan perbezaan dan sifat-sifat antara maqasid (objektif) dengan mekanisme (wasilah).


3. HASIL PEMBELAJARAN

Setelah mengikuti tajuk ini, peserta dapat:

- i. Memahami hikmah, objektif, dan *masalah* *Maqasid al-Shari'ah*;
- ii. Memahami kategori *Maqasid al-Shari'ah* dalam perbincangan para sarjana;
- iii. Mampu menjelaskan hubung kait *Maqasid al-Shari'ah* dengan dalil yang disepakati dan tidak disepakati;
- iv. Mengenal pasti hubungan antara maqasid (objektif) yang bersifat kekal dengan wasilah (mekanisme) yang kebanyakannya bersifat fleksibel.

4. KANDUNGAN

Unit ini mengandungi lima (5) subunit seperti berikut:



5. PERINCIAN KAEDAH PELAKSANAAN

Pelaksanaan Modul Unit 1 ini menggunakan beberapa kaedah, antaranya:

- Ceramah interaktif antara dua hala antara penceramah dan peserta;
- Perbincangan dan perkongsian idea daripada peserta;
- Rumusan Modul.

Masa: 1 jam 30 minit

MANUAL MODUL UNIT 1

PENGENALAN DAN KONSEP *MAQASID* *AL-SHARI'AH*

MANUAL MODUL UNIT 1: PENGENALAN DAN KONSEP *MAQASID AL-SHARI'AH*

SUBUNIT 1.1 PENGENALAN *MAQASID AL-SHARI'AH*

Dari segi bahasa, *Maqasid* adalah kata jamak bagi perkataan *maqсад* (مَقْصِد) yang berasal daripada perkataan *qasada* (قَصَدَ) yang bermaksud kelurusan jalan. Syariah dari sudut bahasa pula bererti jalan sumber air. Manakala dari sudut istilah pula, ada ulama yang mengkhususkannya dengan maksud yang lebih terbatas berupa hukum hakam. Selain itu, Syariah juga boleh dilihat dari sudut yang luas merangkumi akidah, fiqh dan akhlak.

Oleh itu, jika digabungkan kedua-duanya, *Maqasid al-Shari'ah* dari sudut bahasa boleh dimaksudkan sebagai objektif dan tujuan di sebalik jalan untuk mempraktikkan agama.

Dari segi istilah, 'Allal al-Fasi mendefinisikan *Maqasid al-Shari'ah* sebagai tujuan-tujuan syariat serta rahsia-rahsianya yang telah ditetapkan oleh Allah SWT pada setiap hukum-hakam.

Menurut Al-Raysuni pula, *Maqasid al-Shari'ah* bermaksud tujuan-tujuan yang telah ditetapkan oleh Syariat bagi merealisasikan kemaslahatan manusia.

Al-Qaradawi mendefinisikannya sebagai tujuan yang ingin dicapai oleh nas syarak melalui perintah, larangan dan pilihan serta tujuan hidup individu, keluarga dan ummah yang ingin dicapai melalui penelitian terhadap hukum-hukum cabang syariah.

Menyorot takrifan *Maqasid al-Shari'ah*, terdapat pelbagai definisi *Maqasid al-Shari'ah* yang diberikan oleh tokoh ilmuwan, namun kesemuanya berlegar pada maksud dan intipati yang sama iaitu tentang tujuan, rahsia dan hikmah Syariah yang terkandung dan direalisasikan secara keseluruhan dan khusus menerusi hukum-hakam.

Ini bermaksud, segala tujuan, rahsia, dan hikmah yang dijadikan tiadalah yang sia-sia. Ia berkisar tentang tujuan pensyariatan untuk memelihara kebaikan (*maslahah*) kepada para hamba-Nya dan menjauhi mereka daripada keburukan (*mafsadah*) di dunia dan akhirat.

SUBUNIT 1.1.1 SEJARAH PERKEMBANGAN *MAQASID AL-SHARI'AH*

Perkembangan ilmu *Maqasid al-Shari'ah* telah berlaku sejak zaman wahyu sehingga zaman kontemporari. Penjelasan tentang sejarah kefahaman dan aplikasi *Maqasid al-Shari'ah* dari zaman Nabi Muhammad SAW sehingga kini dapat memberi kesedaran tentang keperluan penggunaan ijtihad yang perlu dihidupkan semula dalam menangani permasalahan taklid yang berlaku dalam masyarakat.

i. ZAMAN WAHYU

Pada zaman kenabian Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, setiap penetapan syarak dinyatakan secara menyeluruh dan tidak terasing. Sekiranya timbul keadaan yang memerlukan kepada penetapan hukum, para sahabat akan merujuk kepada Nabi Muhammad SAW dan objektif pensyariatannya telah diambil kira secara langsung dalam sebarang ketetapan yang ditentukan. Ini kerana sandaran utama untuk menyingkap *Maqasid al-Shari'ah* telah terangkum dalam al-Quran dan hadis. *Maqasid al-Shari'ah* dalam al-Quran dan hadis boleh didapati menerusi dua bentuk:

- a. **Bentuk Umum:** Allah SWT menjelaskan bahawa al-Quran diturunkan sebagai petunjuk bagi orang-orang yang bertaqwa; firman Allah SWT:

ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾

Maksudnya: Kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya daripada Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertakwa. (al-Baqarah, 2)

Di dalam al-Quran juga menjelaskan Maqasid iaitu objektif atau tujuan diutuskan para Rasul, antaranya ialah pengutusan Muhammad SAW sebagai rahmat untuk sekalian alam. Sebagai contoh, firman Allah SWT:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٠٧﴾

Maksudnya: Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam (al-Anbiya', 107)

- b. **Bentuk Khusus:** Allah SWT memerintahkan para hamba-Nya untuk melakukan atau meninggalkan sesuatu perbuatan kerana terdapat alasan di sebalik sesuatu perintah atau larangan. Sebagai contoh, hikmah di sebalik amalan ibadat yang utama seperti solat, puasa dan zakat. Firman Allah SWT:

...إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ ...

Maksudnya: "...dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada perbuatan yang keji dan mungkar..." (al-Ankabut, 45)

Dalam sebuah hadis, Nabi SAW bersabda mengenai faedah solat iaitu:

...sekiranya dia mendirikan solat, memuji Allah SWT, memuliakan-Nya dengan pujian yang layak untuk-Nya mengosongkan hatinya untuk Allah SWT, nescaya dosa-dosanya akan meninggalkan sebagaimana keadaannya pada hari ibunya melahirkannya. (Hadith riwayat Muslim: 832)

Melalui ayat al-Quran dan hadis di atas, jelas menerangkan bahawa maqasid (objektif) jika solat ditunaikan dengan bersungguh-sungguh dan khushyuk ia dapat mencegah seseorang itu daripada melakukan perbuatan yang keji dan mungkar.

ii. ZAMAN SAHABAT DAN TABI'IN

Para sahabat merupakan golongan yang memahami *Maqasid al-Shari'ah* kerana mereka hidup sezaman dengan Rasulullah SAW yang berpaksikan kepada al-Quran dan Sunnah dalam kehidupan mereka.

Selepas kewafatan Rasulullah SAW, para sahabat berdepan dengan kemusykilan dan isu-isu yang kompleks. Lalu, mereka menggunakan kepakaran untuk mengistinbat hukum-hukum selepas mereka menekuni matlamat sesuatu pensyariaan.

Salah satu contoh kefahaman dan aplikasi *Maqasid al-Shari'ah* dalam kalangan para Sahabat adalah berkaitan isu hukuman bunuh terhadap semua orang yang terlibat membunuh seseorang.

Firman Allah SWT:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِصَاصُ فِي الْقَتْلِ ۚ الْحُرُّ بِالْحُرِّ وَالْعَبْدُ بِالْعَبْدِ ۚ وَالْأُنثَىٰ بِالْأُنثَىٰ ۚ ...
Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan kamu menjalankan hukuman qisas (balasan yang seimbang) dalam perkara orang-orang yang mati dibunuh iaitu orang merdeka dengan orang merdeka, dan hamba dengan hamba, dan perempuan dengan perempuan. (al-Baqarah, 178)

Ayat ini menjelaskan bahawa hukuman bunuh balas dijatuhkan kepada seseorang pembunuh.

Namun bagaimana jika sebilangan orang telah bersekongkol untuk membunuh seseorang? Pada zaman Saidina Umar al-Khattab R.A, telah berlaku satu kes pembunuhan yang melibatkan lima hingga tujuh orang membunuh seorang lelaki secara khianat. Oleh itu, beliau yang merupakan seorang khalifah yang terkenal dengan pelbagai ijtihad yang bersifat *maqasidiy* dan komited memelihara kemaslahatan rakyatnya, telah membuat keputusan untuk menghukum bunuh balas kepada semua penduduk yang berpakat untuk membunuh seseorang. Ibn Rushd mengulas bahawa hukuman bunuh balas kepada pembunuh yang berpakat itu berpandukan penelitian kepada *masalah* seperti mana firman Allah SWT:

وَلَكُمْ فِي الْقِصَاصِ حَيَوةٌ يٰٓأُولِی الْأَلْبَابِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٧٩﴾
Maksudnya: Dan di dalam hukuman qisas itu ada jaminan hidup bagi kamu, wahai orang-orang yang berakal fikiran, supaya kamu bertaqwa. (al-Baqarah, 179)

Pandangan tersebut bertepatan dengan maksud maqasid dalam hukuman bunuh balas (*qisas*), iaitu memelihara kehidupan dan kemanusiaan. Ibn Rushd menjelaskan sekiranya hukuman tersebut tidak dilaksanakan, nescaya manusia akan sengaja membunuh seseorang secara berkumpulan.

Isu ini menunjukkan contoh pendekatan Maqasid dalam memahami wahyu. Ketetapan Umar al-Khattab dalam perkara ini turut disebutkan sebagai ijmak oleh Ibn Mawlud al-Mawsili kerana ketetapan itu dibuat dengan kehadiran para Sahabat dan tiada bantahan daripada mereka.

iii. ZAMAN EMPAT IMAM MAZHAB

Imam Abu Hanifah	Abu Hanifah terkenal sebagai imam yang paling banyak melakukan <i>qiyas</i> dan <i>al-istihsan</i> pada zamannya. Asas kepada kedua-dua konsep ini ialah <i>maslahah</i> iaitu untuk meraih kebaikan dan mengelakkan keburukan. Pengamalan <i>al-istihsan</i> juga adalah untuk mengelakkan kesulitan manusia dengan menggunakan dalil dan bukan mengikut hawa nafsu.
Imam Malik	Menurut ilmuwan dan pengkaji bahawa Imam Malik merupakan tokoh terawal yang mempunyai sumbangan dalam <i>Maqasid al-Shari'ah</i>. Imam Malik dan mazhabnya mempraktikkan <i>qiyas</i> untuk mengetahui <i>'illah</i> sesuatu hukum yang dinaskan demi memberi hukum pada isu baharu yang belum ada hukum yang jelas. Di samping itu, Imam Malik dan mazhabnya terkenal dengan konsep <i>maslahah</i>. Sebagai contoh, <i>maslahah al-mursalah</i>, <i>al-istihsan</i>, dan <i>sadd al-Dhari'ah</i> yang menjadi antara sumber hukum utama dalam mazhab Maliki dan berkait rapat dengan perbincangan mengenai <i>maslahah</i>.
Imam al-Shafi'i	Sumbangan beliau amat besar dalam perkembangan <i>Maqasid al-Shari'ah</i> kerana terdapat hubungan amat kukuh antara <i>Usul al-Fiqh</i> dan <i>Maqasid al-Shari'ah</i>. Di dalam karyanya <i>al-Risalah</i> menyebut tentang kefahaman Bahasa Arab demi memahami Al-Quran. Imam al-Shafi'i merupakan orang pertama yang membicarakan <i>qiyas</i> dengan meletakkan kaedah-kaedahnya dan prinsip asas. Di samping itu, Imam al-Shafi'i meletakkan hikmah dan makna di sebalik sesuatu hukum. Di dalam <i>qiyas</i>, rukun terpenting ialah <i>'illah</i> dan disyaratkan pada <i>'illah</i> itu adalah bertepatan dengan <i>maslahah</i> yang hendak dicapai dan mengelakkan mafsadah.
Imam Ahmad bin Hanbal	Mazhab Hanbali mengamalkan konsep <i>qiyas</i>. <i>Qiyas</i> yang diamalkan selari dengan pengetahuan mereka yang luas dan menyeluruh mengenai sunnah, fatwa-fatwa sahabat, keputusan penghakiman dan cara-cara mereka dalam mengistinbat hukum. Selain al-Quran, hadis, ijmak dan <i>qiyas</i>, antara sumber asas dalam <i>fiqh</i> Ahmad bin Hanbal ialah <i>Masalih al-Mursalah</i> dan <i>Sadd al-Dhari'ah</i>. Kedua-dua hukum ini mempunyai perkaitan rapat dengan konsep <i>maslahah</i>.

iv. ZAMAN BERIKUTNYA (TOKOH-TOKOH MAQASID AL-SHARI`AH)

Abū al-Ma‘ālī al-Juwaynī	Beliau merupakan antara ulama terawal yang mencadangkan teori berkaitan tahap keperluan yang meliputi lima peringkat iaitu keperluan (<i>al-ḍarūrāt</i>), kehendak umum (<i>al-ḥājah al-‘ammah</i>), perilaku moral (<i>al-makrūmāt</i>), perkara yang disunatkan (<i>al-mandūbāt</i>) dan perkara yang tidak terkait dengan <i>al-makrūmāt</i>. Teori ini tercatat dalam buku beliau <i>al-Burhān fī Uṣūl al-Fiqh</i> (Al-Juwaynī 1997).
Al-Ghazālī	Beliau menekankan <i>al-maṣlaḥah al-mursalah</i> tidak boleh ditafsirkan dengan hawa nafsu malah ia perlu didasari dengan al-Quran, Hadith dan ijmak sebelum diterima pakai dalam penetapan hukum. Al-Ghazali juga membahagikan <i>al-maslahah al-mursalah</i> kepada tiga peringkat iaitu keperluan (<i>ḍaruriyyah</i>), kehendak (<i>ḥājiyyah</i>) dan pelengkap (<i>taḥsīniyyah</i>). Lima elemen dalam memelihara kebaikan termasuklah penjagaan agama, diri, akal, keturunan dan harta. Pandangan al-Ghazālī yang amat berhati-hati dalam memahami kehendak syarak terhasil melalui usahanya berpegang kepada ajaran al-Quran yang sebenar. Tidak hairanlah, prinsip ini digunakan sehingga hari ini dan masih kekal relevan untuk diaplikasi. Teori ini tercatat dalam buku beliau <i>Al-Mustasfa Fi Ilm al-Usul</i>.
‘Izz al-Dīn ‘Abd al-Salām	‘Izz al-Dīn ‘Abd al-Salām (1991) menyambung perbahasan al-Ghazālī mengenai <i>maṣlaḥah</i> dan mafsadah melalui penulisan yang bertajuk <i>Qawā‘id al-Aḥkām fī Maṣāliḥ al-Anām</i>. Beliau berani menegakkan kebenaran dan menolak kemungkaran ternyata ianya kesan daripada pemahamannya yang mendalam mengenai objektif syariat untuk mencapai kemaslahatan dan menolak keburukan.
Shihāb al-Dīn al-Qarāfī	Al-Qarāfī juga memperincikan perbezaan antara Maqasid dan wasilah iaitu kaedah untuk mencapai Maqasid tersebut. Beliau menerangkan bahawa Maqasid lebih utama daripada wasilah dalam setiap keadaan. Wasilah sering dikaitkan dengan <i>Dhari’ah</i> iaitu jalan atau perkara yang membawa kepada sesuatu keadaan yang lain. Wasilah yang membawa kepada matlamat (maqasid) yang terbaik adalah wasilah yang terbaik. Begitu juga sebaliknya. Oleh itu, beliau berpandangan dalam kaedah penetapan hukum, selain mengaplikasikan kaedah <i>sadd al-Dhari’ah</i> (menutup pintu-pintu keburukan), kaedah <i>fath al-Dhari’ah</i> iaitu membuka jalan kepada perkara-perkara yang boleh membawa kebaikan adalah penting. Teori ini tercatat dalam buku beliau yang bertajuk <i>Al-Ahkam Fi Al-Farq Bayn Al-Fatawa Wa Al- Ahkam Wa Tasarruf Al-Qadi Wa Al-Imam</i>.

Shams al-Dīn Ibn Qayyim	Sumbangan beliau dalam pembangunan teori Maqasid ialah penekanan yang diberikan mengenai asas syariah terbentuk demi kemaslahatan umat. Beliau menjelaskan bahawa syariah berkait rapat dengan keadilan, rahmah, kemaslahatan dan hikmah secara keseluruhannya. Semua perkara yang mengubah keadilan dan rahmah kepada kezaliman, kebaikan kepada keburukan dan hikmah kepada perkara yang sia-sia adalah terkeluar daripada syarak. Beliau turut memperincikan objektif untuk mencapai kebaikan di sebalik setiap suruhan dan mengelakkan keburukan di sebalik setiap larangan. Pelbagai contoh isu hukum dipaparkan dan diperincikan dalam bukunya <i>I'lām al-Muwaqqi'īn</i> (2006).
Abū Ishāq al-Shāṭibī	Sumbangan utama beliau terangkum dalam buku <i>al-Muwāfaqāt</i> (al-Shāṭibī 2006). Antaranya ialah beliau menekankan bahawa <i>maṣlaḥah al-mursalah</i> merupakan asas dalam pensyariatan (<i>uṣūl al-sharī'ah</i>) dan sumber perundangan hukum dan asas untuk ijtihad. Justeru seorang mujtahid perlu menguasai ilmu <i>maṣlaḥah al-mursalah</i> untuk menangani isu semasa dari sudut fiqh. Walau bagaimanapun, seseorang yang ingin mendalami ilmu Maqasid tidak terkecuali daripada mendalami ilmu Bahasa Arab kerana dapat membantu seorang mujtahid memahami teks al-Quran dan hadith demi mengenal pasti tujuan pensyariatan yang sebenar. Menurut al-Shatibi, <i>maṣlaḥah</i> dan mafsadah tidak boleh diukur dengan hawa nafsu kerana syariat Islam itu datang untuk mengeluarkan manusia daripada keterbatasan dan kongkongan hawa nafsu. Oleh itu, <i>maṣlaḥah</i> dan mafsadah perlu merujuk kepada al-Quran dan hadith yang boleh disesuaikan mengikut keadaan, individu dan masa. Seterusnya beliau memberi penekanan mengenai prinsip-prinsip al-Quran dalam mengeluarkan hukum. Konsep ini lantas menjadikan beliau pelopor teori <i>Maqasid al-Sharī'ah</i> yang tersusun dan sistematik.
Al-Ṭāhir Ibn 'Āshūr	Ibn 'Ashūr terkenal dengan sumbangan beliau dalam menyelongkar khazanah ilmu Maqasid klasik dan disesuaikan dalam konteks masa kini. Sumbangan utama beliau ialah dalam mengaplikasikan teori asas yang dibawa oleh ulama terdahulu dalam skop yang lebih besar. Untuk mencapai kepada pemahaman tersebut, beliau memperincikan perbezaan antara objektif (maqasid) dan kaedah (wasilah).

Allāl al-Fāsī	‘Allāl al-Fāsī menekankan bahawa syariat Islam adalah syariat yang memelihara fitrah manusiawi berasaskan nas-nas syarak dan ia merupakan sebahagian daripada <i>Maqasid al-Shari’ah</i> yang paling asas. Fitrah tersebut termasuklah memelihara hak saksama, kebebasan dan kemuliaan insan. Penulisan beliau dalam buku <i>Maqāṣid al-Sharī‘ah wa Makārimuha</i>, menekankan mengenai keadilan dan hak asasi manusia yang merupakan inti pati konsep <i>Maqasid al-Shari’ah</i> itu sendiri.
‘Abdullah Bin Bayyah	Bin Bayyah merupakan tokoh dalam bidang <i>‘uṣūl al-fiqh</i> iaitu bidang yang merupakan cabang asal perbahasan teori <i>Maqasid al-Shari’ah</i>. Justeru, penulisan beliau banyak menekankan mengenai fiqh dan asas perundangan Islam dalam bukunya <i>‘Alāqah Maqāṣid al-Sharī‘ah bi ‘Uṣūl al-Fiqh</i>. Beliau menjelaskan penggunaan konsep <i>Maqasid al-Shari’ah</i> dapat mengupayakan bidang <i>usul al-fiqh</i> merangkumi empat kaedah pengeluaran hukum iaitu <i>istihsan</i>, <i>istislah</i>, <i>qiyas</i> dan penelitian terhadap <i>al-Dhari’ah</i>. Ia merupakan faktor untuk memastikan bidang <i>‘uṣūl al-fiqh</i> tidak jumud dan kaku. Hasilnya konsep ini dapat diterapkan dalam pelbagai ruang lingkup termasuklah bidang pentadbiran dan politik, pengurusan ekonomi dan fiqh minoriti.
Al-Raysūnī	Al-Raysūnī membawa masyarakat untuk memahami dan mengapikasi konsep <i>Maqasid al-Shari’ah</i> dalam ruang lingkup yang lebih luas melalui karyanya <i>al-Fikr al-Maqasidiy</i>. Beliau menjelaskan, “Minda Maqasid dalam sebahagian peringkat tertinggi menjadi mekanisme berteraskan objektif pensyariatan dan menjadi asas untuk mewujudkannya dan mengiktirafnya dalam semua aspek pengukuran, penentuan dan penafsiran yang bukan sahaja dalam bidang syariah semata-mata, tetapi juga dalam bidang saintifik dan amali.”
Jasser Auda	Profesor Jasser Auda membentangkan sebuah penulisan yang luar biasa mengenai pendekatan sistem terhadap falsafah dan perundangan Islam berdasarkan tujuan dan objektif pensyariatan. Teori maqasid diserlahkan sebagai kunci falsafah perundangan Islam dengan menumpukan kepada keperluan hukum-hakam Islam untuk memenuhi tujuan asalnya iaitu keadilan, kebebasan, hak, kemaslahatan dan toleransi dalam konteks hari ini. Beliau juga menekankan tentang konsep <i>Maqasid al-Shari’ah</i> tertumpu dengan mendalami objektif pensyariatan melalui al-Quran dan memperkemas hubung kait bidang usul al-fiqh dan intipati ayat-ayat al-Quran.

SUBUNIT 1.2 : KONSEP UMUM MAQASID AL-SHARI'AH

Terdapat tiga konsep umum *Maqasid al-Shari'ah*:

PERTAMA: TA'LIL (تعلييل)

Ta'lil bererti menyingkap dan menjelaskan 'illah (alasan) sesuatu hukum. Maksud yang dikehendaki menerusi perkataan 'illah atau alasan bagi hukum ialah hikmah dan *maslahah* yang terkandung dalam sesuatu perintah dan keharusan, serta mafsadah yang terkandung dalam larangan. Oleh itu, 'illah ialah hikmah dan *maslahah* yang menjadi asas untuk dipelihara dan direalisasikan oleh sesuatu pensyariatan hukum.

Sebelum menyingkapi sesuatu 'illah, terdapat persoalan penting iaitu keperluan untuk mempersetujui terlebih dahulu bahawa hukum-hakam mengandungi 'illah.

Para ulama, contohnya Ibn 'Ashur, menegaskan bahawa seluruh hukum syarak mengandungi maqasidnya iaitu hikmah, *maslahah* dan manfaat. Menjadi kewajipan para ulama untuk menyelidik 'illah dan maqasid di sebalik sesuatu hukum, sama ada yang jelas atau tersembunyi. Sebahagian hukum boleh jadi tersembunyi 'illahnya, justeru kefahaman para ulama berbeza dalam mengenal pasti 'illah tersebut.

KEDUA: ISTISLAH (استصلاح)

Istislah bererti membina hukum-hakam *fiqh* berdasarkan tuntutan *al-maslahah al-mursalah*. *Istislah* berkait rapat dengan prinsip pertama iaitu *ta'lil* kerana *ta'lil* ialah penjelasan tentang 'illah dan *maslahah* di sebalik hukum-hakam. Berdasarkan konsep ini, sebelum melakukan sesuatu tindakan, memutuskan keputusan dan membuat polisi, teori *maslahah* dan mafsadah hendaklah diambil kira.

Maslahah merupakan isu utama yang dibicarakan dalam bidang *Maqasid al-Shari'ah*. Hal tersebut kerana setiap objektif penurunan Syariah ialah meraih *maslahah* dan menolak mafsadah. Terdapat banyak kaedah *fiqh* (*al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*) yang diasaskan berdasarkan konsep meraih *maslahah* dan menghindari mafsadah. Antaranya ialah:

Tidak membuat kerosakan dan tidak membalas kerosakan	لا ضرر ولا ضرار
Kemudaratan hendaklah dihilangkan	الضرار يزال
Kemudaratan tidak dibuang dengan kemudaratan yang sama	الضرر لا يزال بمثله

Kemudaratan yang lebih besar dihilangkan dengan menanggung kemudaratan yang lebih ringan	الضرر الأشد يزال بالضرر الأخف
Polisi dan tindakan pemerintah terhadap rakyat hendaklah tertakluk kepada <i>maslahah</i>	تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة

Oleh itu, *istislah* digunakan dalam kaedah-kaedah fiqh ini bagi menetapkan hukum terhadap sesuatu peristiwa yang tidak terdapat dalil syarak yang mendatangkan kemaslahatan bagi manusia selaras dengan *Maqasid al-Shari`ah*.

KETIGA: MAALAT AL-AF'AL (مآلات الافعال)

Secara literalnya, perkataan ini bererti kesan dan implikasi di sebalik perbuatan. Setiap kesan yang lahir daripada sesuatu tindakan sama ada kesan itu baik atau pun buruk ialah *maal*. Mengambil kira kesan dalam sesuatu tindakan adalah sangat penting kerana Islam tidak hanya melihat kepada niat dan pelaksanaan, tetapi turut mengambil kira kesan dan natijah daripada tindakan itu.

Al-Shatibi mensyaratkan agar sebelum membuat keputusan membenarkan atau melarang sesuatu, kita hendaklah meneliti kesan yang akan timbul daripada sesuatu perbuatan itu.

Setelah dikenal pasti sesuatu alasan ('illah) di sebalik sesuatu perintah atau larangan itu, akan didapati kesesuaian alasan itu dengan *maslahah* yang mahu dicapai dan mafsadah yang mahu ditolak. Kesesuaian itu dinamakan dalam istilah 'uṣūl al-fiqh sebagai *al-munasabah*.

Sebagai contoh, terdapat *munasabah* dan keselarian antara 'illah larangan meminum arak dengan kepentingan menolak mafsadah iaitu kerosakan akal dan meraih *maslahah* untuk memelihara akal. Begitu juga dengan *munasabah* antara larangan membunuh dengan *maslahah* menjaga nyawa manusia.

Hal ini menunjukkan bahawa perbincangan *ta'lil* itu sendiri secara langsung berkait dengan perbincangan mengenai *maslahah*. Begitu juga hubungan antara *maslahah* dan implikasi mendatang (*maalat al-af'al*). Semangat konsep *al-maal* ialah implikasi sesuatu perbuatan dan tindakan hendaklah diambil sebelum apa-apa keputusan hukum diambil. Ini bererti, "*maslahah* untuk diraih dan mafsadah untuk dihindari" hendaklah dipertimbang tatkala memikirkan tentang sesuatu implikasi daripada sesuatu tindakan itu.

SUBUNIT 1.3 : KATEGORI MAQASID AL-SHARI'AH

SUBUNIT 1.3.1 : MAQASID AL-SHARI'AH BERDASARKAN QASDU AL-SYARI' (OBJEKTIF PENCIPTA) DAN QASDU MUKALLAF (OBJEKTIF MANUSIA)

Di dalam kitab *al-Muwafaqat* karangan Imam al-Syatibi, beliau telah mengembangkan secara jelas tentang pembahagian *Maqasid al-Shari'ah* hingga membahaskan keseluruhan aspek perbincangan *'uṣūl al-fiqh* menurut perspektif *Maqasid al-Shari'ah*.

Imam Syatibi membahagikan maqasid ini kepada dua cabang iaitu *Qasdu al-Syari'* (objektif pencipta) dan *Qasdu Mukallaf* (objektif manusia). *Qasdu al-Syari'* adalah apa yang Allah tetapkan kepada hamba-hambanya bukan mengikut hawa nafsu dan logik akal manusia.

Seterusnya pembahagian *Qasdu Mukallaf*, manusia membezakan antara perkara yang merupakan ibadah dan perkara yang merupakan kebiasaan harian yang mana dikategorikan sebagai patuh syariah atau sebaliknya.

Dalam pembahagian *Qasdu al-Syari'*, Imam al-Syatibi membahagikan kepada empat jenis tuntutan:

- i. *Qasdu Ibtida'i* (Kemaslahatan)
- ii. *Qasdu Ifhami* (Kefahaman)
- iii. *Qasdu Ta'abbudi* (Kepatuhan)
- iv. *Qasdu Taklifi* (Kemampuan)

i. QASDU IBTIDA'I (KEMASLAHATAN)

Kemunculan tuntutan Allah dalam penetapan hukum syariah adalah peraturan yang ditetapkan oleh Allah. Demi menjaga kebaikan serta kemaslahatan. Semua perintah dan ajaran agama seperti solat, puasa, haji, zakat, serta segala amal kebajikan adalah termasuk di dalam prinsip *Maqasid al-Shari'ah* yang dinyatakan oleh Imam al-Syatibi:

وضع الشرائع إنما هو لمصالح العباد في العاجل والآجل معاها

Maksudnya: "Penurunan syariat-syariat adalah untuk kemaslahatan manusia sama ada dalam masa terdekat atau masa hadapan".

Sebagai contoh, dalam ibadah solat, maqasidnya adalah untuk mencegah seseorang itu dari perbuatan keji dan mungkar.

Manakala contoh-contoh yang semasa ialah proses ujian HIV bagi bakal pengantin sebagai langkah pencegahan daripada masalah yang lebih besar selepas perkahwinan dan penggunaan

enzim daripada babi dalam ubat-ubatan untuk menjaga kemaslahatan manusia ketika tiada alternatif lain yang lebih berkesan untuk digunakan.

Oleh itu, objektif tuntutan *Qasdu Ibtida'i* adalah tuntutan syarak yang kebbaikannya berbalik semula kepada manusia itu sendiri demi untuk menjaga kemaslahatan umat manusia sama ada hikmah sesuatu hukum itu tersurat ataupun tersirat.

ii. QASDU IFHAMI (KEFAHAMAN)

Perbahasan yang dimaksudkan di sini adalah bahawa al-Quran diturunkan dalam Bahasa Arab secara keseluruhan. Bagi memahami al-Quran dan sunnah, seseorang itu hendaklah menguasai bahasa pengantar kedua-duanya iaitu Bahasa Arab dan bukan dalam bahasa 'ajam. Firman Allah SWT:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿١٠١﴾

Maksudnya: Sesungguhnya kami menurunkan kitab al-Quran yang dibaca dengan Bahasa Arab. (Yusuf, 2).

Perintah dan larangan dalam syariat serta objektifnya perlu difahami menurut gaya bahasa ketika wahyu diturunkan. Terdapat beberapa bukti antaranya:

i. Nas-nas yang mutawatir dalam lafaz dan makna.

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِنْهُمْ ...

Maksudnya: "Dia yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang Arab yang Ummiyyin" (al-Jumaah: 2).

- ii. Syariah yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW 'ummi (buta huruf) yang disampaikan kepada umatnya.
- iii. Seandainya tidak ada pada mereka apa yang mereka fahami dari pengetahuan mereka, maka tidak akan ada mukjizat pada mereka.

Prinsip yang digunakan Imam al-Syatibi dalam pembahagian ini:

القرآن عربي فيسلك به في الاستنباط والاستدلال مسلك العرب في تقرير معانيها.

Maksudnya: "Al-Quran adalah dalam Bahasa Arab, maka ia perlu diikuti dalam istinbat dan istidlal mengikut cara orang Arab memahaminya."

Contohnya pengharaman babi berdasarkan dalil al-Quran:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ أَلْمَيْتَةُ وَالدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنْزِيرِ ...

Maksudnya: Diharamkan kepada kamu makan bangkai, darah dan daging babi. (al-Maidah: 3).

Pendapat yang mengatakan bahawa pengharaman babi hanya dagingnya sahaja tidak tepat kerana dalam penggunaan Bahasa Arab daging dimaksudkan bersama lemaknya sekali.

Jadi dalam memahami istinbat al-Quran yang benar, mereka harus memahami penggunaan istilah-istilah masyarakat Arab yang tepat selari dengan zaman penurunan wahyu ke atas Nabi Muhammad SAW.

iii. QASDU TAKLIFI (KEMAMPUAN)

Pembahagian ketiga *Maqasid al-Shari`ah* mengikut Imam al-Syatibi bermaksud syarat-syarat wajib bagi mukalaf atau penyebabnya adalah kemampuan bagi individu yang dikenakan kewajiban tersebut. Jika tidak ada kemampuan bagi individu tersebut, maka taklif terhadapnya tidak sah secara syariat meskipun dalam beberapa amalan masih dapat diterima secara akal.

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا ...

Maksudnya: Allah tidak membebani seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. (*al-Baqarah*: 286).

Ayat tersebut menjelaskan bahawa syarak hanya menuntut apa yang mampu dilakukan oleh manusia seperti memeluk Islam, meninggalkan perbuatan zalim, menahan diri dari pembunuhan dan tunduk pada ketentuan Allah. Prinsip yang digunakan oleh Imam al-Syatibi dalam *Qasdu Taklifi*:

إن الشارع لم يقصد إلى التكاليف بالمشاق الإعانات فيه

Maksudnya: "Pensyariatan tidak bertujuan untuk memberatkan bebanan yang memeritkan".

Contohnya, dalam muamalat yang telah diaplikasikan seluruh dunia adalah penggunaan wang kertas yang dikatakan wujud unsur syubhah, riba dan inflasi. Penghapusan penggunaan wang kertas untuk kembali kepada penggunaan dinar dan dirham yang dimonopoli oleh sebahagian pihak akan menyulitkan rakyat dalam aktiviti muamalat seharian.

Oleh kerana itu, pensyariatan yang diturunkan adalah sesuai dengan keupayaan manusia malah ada yang mudah untuk ditunaikan oleh semua mukalaf.

iv. QASDU TA'ABBUDI (KEPATUHAN)

Tujuan ini bermaksud mengeluarkan manusia daripada dorongan nafsunya sehingga menjadikannya hamba tuhan secara sukarela sebagaimana hakikatnya dia merupakan hamba Allah. Oleh itu, keredaan tuhan hendaklah menjadi tujuan, bukannya mengikut hawa nafsu.

Dalil jelas menunjukkan bahawa manusia diciptakan untuk beribadah kepada Allah dan untuk tunduk kepada perintah dan larangan-Nya.

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Maksudnya: Dan aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka mengabdikan diri kepadaKu. (al-Dharyat: 56).

Maka berdasarkan hal itu dibangunkan kaedah berikut:

المقصد الشرعي من وضع الشريعة إخراج المكلف عن داعية هواه.

Maksudnya: Tujuan syarak dari penurunan syariat adalah untuk mengeluarkan manusia dari kehendak hawa nafsunya.

- i. Setiap perbuatan di mana seseorang mengikuti hawa nafsu secara mutlak tanpa memperhatikan perintah atau larangan, maka perbuatan tersebut adalah batal secara mutlak.
- ii. Melakukan sesuatu perkara yang mengikut hawa nafsu yang bertentangan dengan syariat akan membawa kepada jalan kecelaan.
- iii. Meletakkan hawa nafsu dalam hukum hakam demi kepentingan peribadi adalah tindakan yang menyalahi syariat.

Antara contoh perbuatan mengikut hawa nafsu yang boleh dikeluarkan daripada kaedah ini adalah menghimpunkan solat lima waktu dengan alasan lebih berdaya saing dengan orang bukan Islam. Walhal, tujuan pensyariatan solat adalah untuk menjaga *masalahah* pada waktunya, bahkan dapat menguatkan rohani dan jasmani setiap saat dengan menunaikan solat pada waktunya.


Contoh yang lain, ialah golongan yang mengharuskan berbuka di bulan puasa dengan alasan dapat meningkatkan produktiviti di bulan Ramadan. Walhal, antara tujuan berpuasa adalah untuk meningkatkan ketakwaan, dan secara tidak langsung meningkatkan tahap kecerdasan, sikap amanah dan bersungguh-sungguh dalam bekerja.

Contoh seterusnya ialah pengharusan riba yang kononnya untuk pembangunan ekonomi. Walhal, syariat jelas mengharamkan riba untuk menjaga maslahat manusia dari unsur penganiayaan dan penindasan walaupun memberi kemajuan kepada segelintir pihak.

Kesimpulannya, *Maqasid al-Shari'ah* mengikut *Qasdu Syari'* ataupun ketetapan Allah adalah berbalik kepada *masalahah* dan kebaikan manusia, bukan memberi kelebihan kepada Sang Pencipta yang Maha Kasih dan Rahmat.

SUBUNIT 1.3.2: MAQASID AL-SHARI'AH BERDASARKAN KESYUMULAN SYARIAH

Para ilmuwan seperti `Abdullah bin Bayyah, al-Raysuni dan Jasser Auda telah membuat pembahagian *Maqasid al-Shari'ah* kepada tiga kategori iaitu:



i. *Al-Maqasid al-'Ammah* (Objektif Umum)

Muhammad al-Tahir Ibn `Ashur memberikan tafsiran *Maqasid al-Shari'ah* sebagai makna-makna atau hikmah-hikmah yang diambil perhatian oleh syarak dalam keseluruhan atau sebahagian besar situasi penurunan syariat yang tidak khusus kepada mana-mana hukum syarak.

Maqasid yang diambil kira oleh syarak dalam semua aspeknya dan diperlakukan secara menyeluruh. Ini merangkumi pencapaian manfaat umum, mencegah kerugian, menjaga keseimbangan sosial dan etika.

Contoh *Al-Maqasid al-'Ammah* seperti keadilan, firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلّٰهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلَىٰ ءَلَّا تَعْدِلُوا
أَعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan. (al-Maidah:8)

Contoh *Al-Maqasid al-'Ammah* yang lain berkaitan rahmat pula ialah, Firman Allah SWT:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٠٧﴾

Maksudnya: Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam. (*al-Anbiya'*:107)

Manakala contoh bagi akhlak dalam *Al-Maqasid al-'Ammah* ialah, Firman Allah SWT:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

Maksudnya: Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia. (*al-Qalam*:4)

Al-Maqasid al-'Ammah juga terdapat dalam pemeliharaan *Dharuriyyat al-Khams*, iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

ii. *Al-Maqasid al-Khassah* (Objektif separa)

Al-Maqasid al-Khassah ialah maqasid yang terdapat pada bidang yang tertentu dalam perundangan Islam contohnya kebajikan anak-anak dalam undang-undang keluarga, mencegah jenayah dalam undang-undang jenayah dan menghalang monopoli dalam undang-undang kewangan dan harta benda.

iii. *Al-Maqasid al-Juziyyah* (Objektif terperinci)

Al-Maqasid al-Juziyyah bermaksud sebagai *illah*, tujuan, dan hikmah di sebalik sesuatu nas dan hukum. Contoh *illah* "mendedahkan kebenaran" di sebalik bilangan tertentu dalam penyaksian sesuatu kes di mahkamah. Manakala *illah* "meringankan kesusahan" sebagai hikmah di sebalik keharusan berbuka puasa kepada orang yang sakit yang sedang berpuasa dan *illah* "memberi makan kepada orang miskin" di sebalik larangan penyimpanan daging korban pada hari-hari *tashriq* semasa hari raya korban.

Contoh hubungan ketiga-tiga prinsip:

<i>Al-Maqasid al-'Ammah</i>	<i>Al-Maqasid al-Khassah</i>	<i>Al-Maqasid al-Juziyyah</i>
Keadilan	Keadilan dalam pengurusan harta	• Larangan mendekati harta anak yatim. • Larangan akad ribawi
Pemeliharaan Nyawa	hukuman kesalahan Syariah	• Larangan mengugurkan janin 4 bulan ke atas tanpa sebab. • Kewajipan menyusukan anak

SUBUNIT 1.3.3: MAQASID AL-SHARI`AH BERDASARKAN KEKUATAN MASLAHAH

Melalui definisi-definisi *Maqasid al-Shari`ah* yang telah diterangkan di atas, dapat difahami bahawa setiap peraturan ajaran Islam yang diturunkan oleh Allah bertujuan untuk memberikan kebaikan kepada manusia atau menjauhkan mereka daripada keburukan. *Maqasid al-Shari`ah* ialah perkara yang memberikan kebaikan kepada manusia yang menjadi objektif Syariah dalam peraturan ajaran Islam. Oleh itu, *maslahah* dan kebaikan adalah perkataan yang sama maksudnya dengan objektif Syariah. *Maqasid al-Shari`ah* datang untuk *mentahqiqkan maslahah* dalam tiga peringkat:

PERINGKAT PERTAMA: AL-MASALIH AL-DHARURIYYAH

Al-Masalih al-Dharuriyyah menurut al-Syatibi ialah perkara yang mesti ada untuk kemaslahatan hidup di dunia dan akhirat. Ketidadaannya akan menyebabkan kegagalan, kerosakan dan kemusnahan sistem dunia dan berada dalam kerugian pada kehidupan akhirat.

Menurut Ibn `Ashur, manusia secara kolektif ataupun secara individu sangat memerlukan perkara-perkara yang berbentuk *al-Masalih al-Dharuriyyah*. Sekiranya tidak dipenuhi, sistem kehidupan akan rosak, hancur, dan binasa. Seterusnya, dalam menjaga *al-Masalih al-Dharuriyyah*, keutamaan diberikan kepada penjagaan *maslahah* masyarakat daripada *maslahah* individu.

Peringkat *al-Masalih al-Dharuriyyah* merangkumi 5 penjagaan iaitu penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta. Ia merupakan penjagaan lima perkara yang asasi dalam kehidupan manusia dan dikenali *al-dharuriyyat al-khams*.

PERINGKAT KEDUA: AL-MASALIH AL-HAJIYYAH

Menurut Imam al-Syatibi ia merangkumi perkara-perkara yang menjadi keperluan manusia. Sekiranya tiada perkara-perkara tersebut, kehidupan akan berhadapan dengan kepayahan dan kesukaran. Walau bagaimanapun, tahap kesukaran tersebut tidak membawa kepada kemusnahan berbeza dengan peringkat *dharuriyyah*.

Menurut Ibnu `Ashur, *hajiyyah* ialah sesuatu yang diperlukan oleh manusia bagi menjaga *maslahah* dan memelihara sistem kehidupan supaya berada pada susunan yang betul. Sekiranya tidak dipelihara keperluan-keperluan tersebut, sistem menjadi tidak tersusun dan kehidupan berhadapan dengan kepayahan. *Hajiyyah* juga merangkumi penjagaan lima perkara seperti yang diterangkan pada peringkat *al-maslahah dharuriyyah*, iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Perbezaannya ialah keperluan memenuhi *al-maslahah hajiyyah* tidaklah sampai ke tahap keperluan menjaga *dharuriyyah*.

Sarak mengambil berat terhadap perkara yang *hajiyyah* hampir sama dengan perkara *dharuriyyah*. Antara contoh penjagaan yang berada pada peringkat *hajiyyah* ialah kelonggaran (*rukhsah*) ketika sakit dan musafir, keharusan pelbagai akad dalam muamalat seperti jual beli *salam*, dan lain-lain sebagai jalan bagi memenuhi keperluan manusia.

PERINGKAT KETIGA: AL-MASALIH AL-TAHSINIYYAH

Menurut Ibn `Ashur, *al-Masalih al-Tahsiniyyah* ialah perkara yang membawa kepada kesempurnaan, dan keadaan umat Islam sehingga hidup mereka aman, tenang, serta dipandang elok oleh masyarakat lain. Dengan itu, masyarakat Islam dilihat sebagai masyarakat yang ingin didekati.

Dinamakan *Maqasid al-Shari`ah* pada peringkat ini dengan *tahsiniyyah* kerana pelaksanaan perkara-perkara yang berada di bawah kategori ini akan memperelok keadaan seseorang dan menyempurnakan kehidupannya. Antara contohnya ialah gambaran tentang umat Islam yang lestari melalui penjagaan kebersihan, alam sekitar, sistem pendidikan, akhlak penganut dan cara mereka bermuamalat, kemajuan ekonomi, teknologi dan lain-lain.

Secara keseluruhannya, sekiranya berlaku pertembungan antara *masalah dharuriyyah*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat*, maka *masalah dharuriyyah* akan lebih diutamakan. Ini kerana *dharuriyyah* adalah keperluan yang utama.

Ini sebagaimana yang ditegaskan oleh al-Syatibi tentang perkaitan antara tiga peringkat tersebut:

- i. *Dharuriyyah* adalah asal berbanding *hajiyyah* dan *tahsiniyyah*;
- ii. Kehilangan *dharuriyyah* pasti menyebabkan kerosakan kepada *hajiyyah* dan *tahsiniyyah*;
- iii. Kerosakan pada *hajiyyah* dan *tahsiniyyah* tidak semestinya menjejaskan *dharuriyyah*;
- iv. Kerosakan dalam keadaan tertentu terhadap *hajiyyah* dan *tahsiniyyah* boleh menjejaskan *dharuriyyah*;

Penjagaan terhadap *hajiyyah* dan *tahsiniyyah* adalah perlu untuk kelestarian *dharuriyyah*.

SUBUNIT 1.3.4 : MAQASID AL-SHARI`AH BERDASARKAN PRINSIP-PRINSIP UMUM SYARI`AH

Menurut Imam Al-Ghazali "*maslahah* ialah memelihara objektif syarak. Objektif syarak daripada penciptaan ialah lima perkara iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta mereka. Justeru, setiap perkara yang mengandungi elemen pemeliharaan terhadap asas ini maka, ia adalah *maslahah*. Dan setiap perkara yang meluputkan asas-asas ini adalah mafsadah, dan menggugurkan mafsadah merupakan satu *maslahah*." Oleh itu, *Maqasid al-Shari`ah* adalah berlandaskan kepada pemeliharaan lima prinsip-prinsip umum iaitu:

1. MEMELIHARA AGAMA

Memelihara agama adalah tonggak utama kesejahteraan sejagat. Hampir kesemua manusia mempercayai kepada sesuatu agama, dan jaminan kepada kesucian agama adalah penting kerana ia membawa kepada keharmonian kehidupan masyarakat. Dalam Islam, pemeliharaan agama bukan sekadar memuliakan agama, malah dapat mengelak daripada ajaran agama dipermainkan dan diselewengkan.

Dalam Konteks Malaysia, memelihara Agama bermakna untuk mengelakkan apa-apa yang mungkin melanggar dan memusnahkan asas-asas, termasuk mempertahankan negara dan kedudukan Islam sebagai Agama Persekutuan; manakala agama-agama lain boleh diamalkan secara aman dan harmoni sebagaimana yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.

2. MEMELIHARA NYAWA

Pemeliharaan nyawa sangat diambil berat oleh Islam sehingga disyariatkan pelbagai hukum yang berkaitan. Antaranya ialah pengharaman membunuh, penutupan jalan-jalan yang boleh membawa kepada pembunuhan, dan perkara-perkara yang boleh membawa kemusnahan seperti melindungi seseorang atau masyarakat daripada penyakit berjangkit.

Aspek penjagaan nyawa pula disyariatkan dengan mengekalkan hubungan perkahwinan agar berkekalan generasi melalui perkahwinan yang sah. Selain itu, memelihara nyawa setiap ahli keluarga dari terjerumus ke kancah kebinasaan, menyediakan makanan dan minuman, menyediakan pakaian yang dapat menahan kesejukan, mengambil tindakan ke atas yang sengaja mencederakan diri atau membuat sesuatu perkara yang membahayakan diri dan orang lain.

Islam turut melarang seseorang menjerumuskan diri ke arah kebinasaan seperti merokok dan menghisap dadah dan juga mengenakan hukuman qisas, *diyat* dan kifarar terhadap orang yang melakukan sebarang kecederaan atau pembunuhan pada nyawa orang lain.

3. MEMELIHARA AKAL

Pemeliharaan akal ertinya memberi perlindungan kepada akal manusia dari apa-apa yang akan merosakkan. Akal wajib dipelihara dan dipupuk dengan nilai-nilai mulia dan ilmu pengetahuan yang bermanfaat.

Penguasaan ilmu pengetahuan merupakan asas untuk mencapai kemajuan dan mewujudkan umat yang bertamadun. Dalam menghadapi cabaran globalisasi, faktor ilmu bersepadu, kemajuan sains dan teknologi sewajarnya menjadi fokus bagi melahirkan sumber tenaga manusia yang bukan sahaja mempunyai ilmu dan keterampilan tetapi juga memiliki nilai-nilai murni yang sifatnya menyumbang terhadap pembangunan negara, bangsa dan manusia seagat.

Semua unsur-unsur yang menjurus kepada kehilangan dan merosakkan akal serta pemikiran seperti arak, dadah serta sebarang unsur yang merosakkan, sudah semestinya dibanteras dan dihalang dengan segera.

4. MEMELIHARA KETURUNAN

Memelihara keturunan bermaksud pemeliharaan zuriat dan keturunan manusia untuk mereka memakmurkan bumi. Ini bermakna pemeliharaan keturunan ialah dengan memastikan kelahiran berlaku melalui pernikahan yang sah mengikut syariat.

Menurut al-Syatibi, memelihara keturunan merupakan satu keperluan utama dalam kehidupan manusia. Ia adalah penting untuk membentuk masyarakat yang sihat, produktif dan berjiwa rohani yang mampan. Keturunan wajib dipelihara demi menjaga sistem sosial dalam masyarakat. Apabila keturunan telah rosak dengan sebab menyalahi Agama dan tabi'ie manusia seperti penzinaan, liwat, lesbian, gay, dwiseksual dan sebagainya, maka struktur sosial akan menjadi kacau bilau dan akhirnya akan runtuh jalur keturunan yang suci serta merosakkan maruah agama, bangsa dan negara.

5. MEMELIHARA HARTA

Memelihara harta bermakna melindungi harta masyarakat dan negara daripada kehancuran dan dari peralihan harta ke tangan orang lain dengan cara yang tidak sah termasuk larangan terhadap ketidakadilan, menafikan hak dan sebagainya. Disebabkan itu, Islam mewajibkan untuk mencari rezeki, nafkah, menghidupkan tanah, pengurusan kewangan, wakaf, zakat dan lain-lain. Pembangunan ekonomi juga boleh dilakukan melalui pelbagai cara, antaranya pengukuhan sumber manusia, pendidikan, kemajuan teknologi dan lain-lain.

Dalam masa yang sama, pemeliharaan harta dapat dijaga dengan mengharamkan segala bentuk penindasan seperti, amalan riba, penipuan, rasuah, monopoli yang tidak seimbang, cetak rompak, menipu hak intelek, manipulasi pasaran dan segala bentuk penyelewengan atau perkara-perkara yang menzalimi dan merugikan pihak lain.

SUBUNIT 1.4 : HUBUNGAN MAQASID AL-SHARI`AH DENGAN DALIL YANG DISEPAKATI DAN DALIL YANG TIDAK DISEPAKATI.

Maqasid al-Shari`ah* dan *usul al-fiqh* mempunyai hubungan yang rapat dalam penetapan hukum Syarak. Ini kerana *Maqasid al-Shari`ah adalah untuk mendatangkan kebaikan (*maslahah*) dan menolak kemudaratan (*mafsadah*). Justeru itu, ilmu *usul fiqh* menjadi asas kepada penetapan hukum kerana pengetahuan tentang dalil-dalil dan kaedah penetapan hukum akan memandu seorang ulama mujtahid untuk sampai kepada matlamat pensyarian melalui kaedah yang betul.

Dalil-dalil hukum yang dibincangkan dalam *usul al-fiqh* terbahagi kepada dua iaitu dalil-dalil yang disepakati dan dalil-dalil yang tidak disepakati.

PERTAMA: DALIL-DALIL YANG DISEPAKATI IALAH AL-QURAN, SUNNAH, IJMAK DAN QIYAS.

1. Al-Quran

Maqasid al-Shari`ah* sebenarnya telah diterangkan dalam al-Quran walaupun ianya tidak dinamakan sebagai *Maqasid al-Shari`ah secara spesifik. Tetapi, tujuan dan objektif pensyarian yang diturunkan oleh Allah dalam al-Quran itulah "Maqasid".

Seperti yang disebutkan dalam perbincangan terdahulu, *Maqasid al-Shari`ah* dapat diperhatikan dalam al-Quran melalui bentuk umum dan khusus. Al-Quran telah menerangkan tentang tujuan pensyarian dan keterangan berserta gambaran melalui pelbagai uslub, antaranya, dalam bentuk umum seperti:

Objektif menghilangkan kesusahan. Firman Allah SWT:

...مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ حَرَجٍ ...

Maksudnya: Allah tidak mahu menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan (kepayahan) (*al-Maidah*,6)

Objektif berikhlash beribadah kepada Allah. Firman Allah SWT:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Maksudnya: Dan aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka mengabdikan diri kepadaKu. (*al-Dhariyat*: 56).

Objektif keadilan dalam setiap tutur kata dan tindakan. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلّٰهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ ۚ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلَىٰ ءَلَّا تَعْدِلُوا ۚ أَعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللّٰهَ ۚ إِنَّ اللّٰهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan. (al-Maidah,8)

Objektif mencegah kebinasaan dan kerosakan. Firman Allah SWT:

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا ۚ إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٥٦﴾

Maksudnya: Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya. (al-A'raf, 56)

Objektif untuk mencapai persetujuan dan perpaduan serta mencegah dari perpecahan dan perdebatan. Firman Allah:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا ...

Maksudnya: Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (ugama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai" (Ali Imran, 103)

Dalam bentuk khusus, al-Quran menerangkan tentang objektif secara khusus Maqasid dan diterangkan tentang kesan-kesan dan faedahnya. Contoh seperti solat, puasa, zakat dan ibadah-ibadah yang khusus.

2. Sunnah

Pemahaman sunnah sangat penting dalam memahami *Maqasid al-Shari`ah* kerana:

- i. Sunnah mempersetujui dan mengesahkan apa yang dikatakan dalam al-Quran;
- ii. Sunnah menjelaskan al-Quran;
- iii. Sunnah *mustaqillah* (sunnah yang menerangkan hukum yang tidak terdapat dalam al-Quran).

Dalam memahami *Maqasid al-Shari'ah*, kita perlu mengambil kira kepentingan sunnah itu sendiri kerana syariat terbina berdasarkan objektif al-Quran dan Sunnah. Sekiranya kita terlepas pandang terhadap objektif dalam Sunnah itu, seolah-olah kita telah mengabaikan sebahagian syariat kerana kita tidak mampu menguasai *Maqasid ammah* dan *Maqasid kulli* kecuali selepas melihat kepada syariah yang sempurna iaitu al-Quran dan Sunnah.

Dalam hal ini, Sunnah berfungsi untuk mensabitkan dan memperkukuhkan *Maqasid* yang disebut dalam al-Quran.

Sebagaimana yang telah disebut dalam sebuah hadis Riwayat Muslim:

« يَا مُحَمَّدُ أَخْبِرْنِي عَنِ الْإِسْلَامِ, فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: الْإِسْلَامُ أَنْ تَشْهَدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ, وَتُقِيمَ الصَّلَاةَ, وَتُؤْتِيَ الزَّكَاةَ, وَتَصُومَ رَمَضَانَ, وَتَحُجَّ الْبَيْتَ إِنْ اسْتَطَعْتَ إِلَيْهِ سَبِيلًا »

Ya Muhammad, khabarkan kepadaku tentang Islam? Rasulullah Sallallahu'alaihiwasallam bersabda: Islam itu ialah kamu bersaksi (bersyahadah) bahawa tiada ilah melainkan Allah dan bahawasanya Muhammad itu adalah Rasul Allah, dan hendaklah kamu mendirikan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa di bulan Ramadhan dan menunaikan haji ke Baitullah jika kamu mampu mengerjakannya.

Selain itu, Sunnah juga menjelaskan sebahagian *maqasid* yang tidak dinyatakan dalam al-Quran. Sebagaimana hadis yang menceritakan tentang bab perkahwinan:

« مَنْ تَزَوَّجَ امْرَأَةً لِعَرْهَا لَمْ يَزِدْهُ اللَّهُ إِلَّا ذُلًّا, وَمَنْ تَزَوَّجَهَا لِمَالِهَا لَمْ يَزِدْهُ اللَّهُ إِلَّا فَقْرًا, وَمَنْ تَزَوَّجَهَا لِحَسَبِهَا لَمْ يَزِدْهُ اللَّهُ إِلَّا دَنَاءَةً, وَمَنْ تَزَوَّجَ امْرَأَةً لَمْ يَتَزَوَّجْهَا إِلَّا لِيُغَضَّ بَصَرَهُ أَوْ لِيُحْصِنَ فَرْجَهُ, أَوْ يَصِلَ رَحْمَهُ بَارَكَ اللَّهُ لَهُ فِيهَا, وَبَارَكَ لَهَا فِيهِ »

Maksudnya: Sesiapa yang berkahwin dengan seseorang wanita kerana ingin mendapatkan kebanggaan dengan kemuliaan yang ada padanya, tidaklah Allah SWT menambah baginya selain kehinaan. Sesiapa yang mengahwininya sebab harta semata-mata tidaklah Allah SWT menambah baginya selain kefakiran. Sesiapa yang mengahwininya kerana pangkat kedudukan wanita tersebut, tidaklah Allah SWT menambah baginya melainkan semakin rendah kedudukannya di sisi manusia. Sesiapa yang berkahwin dengan seorang wanita yang dia tidak ingin berkahwin dengannya, melainkan untuk dia menundukkan pandangannya, menjaga kehormatan dirinya atau dia menyambung hubungan kekeluargaan nescaya Allah memberkati baginya wanita tersebut, dan memberkati bagi wanita tersebut untuk dirinya.

3. Ijmak

Ijmak diiktiraf melalui persepakatan dan persetujuan para *mujtahidin*. Oleh itu, pemahaman dan penggunaan *Maqasid al-Shari'ah* merupakan unsur penting bagi setiap mujtahid semasa proses ijtihad dan pengaplikasian hukum syarak ke alam realiti dan kehidupan semasa, seiring dengan kehendak dan tujuan pensyariatan ajaran Islam yang diturunkan oleh Allah SWT.

Sebagai contoh dalam sejarah pengumpulan dan penyusunan al-Quran di mana Saidina Abu Bakar (R.A) telah berijtihad untuk mengumpul dan menyusun al-Quran yang pertama. Kemudian semasa pemerintahan Saidina Uthman (R.A) Kitab al-Quran telah disalin lebih banyak salinan dan diedarkan ke negara-negara Islam dengan arahan bahawa hanya ini yang dianggap sebagai teks rasmi dan sahih al-Quran.

Melalui ijtihad ini jelas menunjukkan bahawa para sahabat tidak lain hanyalah untuk mencapai Maqasid iaitu memastikan al-Quran dipelihara dalam bentuk yang universal tanpa penyimpangan dari segi kandungan asal yang kita ada sekarang.

4. Qiyas

Qiyas mengandungi asal, hukum dan cabang dan *illah*. Penentuan hukum pada masalah cabang melalui *illah* yang terdapat dalam hukum asal. Dalam hal ini, disyaratkan *illah* beberapa sifat salah satunya adalah munasabah bagi memastikan pencapaian *maslahah* disebalik hukum qiyas.

KEDUA: DALIL-DALIL YANG TIDAK DISEPAKATI IALAH MASALIH AL-MURSALAH, ISTIHSAN, SADD DHARI'AH, 'URUF, DAN ISTISHAB.

Hubungan antara Maqasid dengan dalil-dalil yang tidak disepakati adalah syarat dengan mengambil kira kesesuaian Maqasid (objektif) Syariah itu sendiri. Objektif utama adalah bertujuan untuk mendatangkan kebaikan (*maslahah*) dan menghindarkan keburukan (mafsadah).

1. Al-Masalih al-Mursalah

Sebagaimana telah diterangkan, persoalan *maslahah* merupakan perbahasan utama dalam *Maqasid al-Shari'ah*. *Al-Masalih al-Mursalah* pula menyentuh tentang *maslahah* yang tidak disebut secara spesifik dalam dalil berbeza dengan *al-Masalih al-Mu'tabarah* (yang diperakui dalam dalil) dan *al-Masalih al-Mulghah* (yang tidak diperakui oleh dalil).

Oleh yang demikian, *al-Masalih al-Mursalah* ialah tindakan mengamalkan *maslahah* berdasarkan dalil-dalil umum walaupun tiada dalil khusus menyebutnya. Segala yang memberi kebaikan

kepada umat Islam boleh diterima, manakala segala yang memberi keburukan hendaklah dielakkan. Salah satu syarat penting sebelum mengamalkan *al-Masalih al-Mursalah* ialah *masalahah* yang bertepatan dengan *Maqasid al-Shari'ah*.

Antara contoh *al-Masalih al-Mursalah* ialah undang-undang jalan raya untuk memelihara keselamatan, pemeriksaan HIV bagi bakal pengantin dan peraturan yang dibuat demi kebaikan masyarakat dalam sesebuah negara.

2. *Al-Istihsan*


Al-Istihsan ialah meninggalkan kaedah qiyas dengan bergantung kepada dalil lain. Ia juga boleh disebut sebagai mencari keringanan dalam permasalahan yang menyulitkan manusia melalui kaedah qiyas. Oleh itu, pengamalan *al-Istihsan* adalah untuk mengelakkan kesulitan kepada manusia dengan berpandukan dalil yang lain. Ini bermaksud *al-Istihsan* bukanlah diamalkan menurut hawa nafsu sebagaimana hujah pihak yang menolaknya.

Hubung kait antara *al-Istihsan* dengan *Maqasid al-Shari'ah* dapat dilihat melalui konsep melihat implikasi sesuatu tindakan (*ma'alat al-af'al*). Dalam hal ini, al-Syatibi menyatakan bahawa kaedah *al-Istihsan* terbina atas prinsip *ma'alat al-af'al*. Oleh kerana itu, dalam sesetengah keadaan dalil qiyas tidak diamalkan demi mengelak implikasi kehilangan *masalahah* dan kewujudan mafsadah. Dalam keadaan itu, dalil-dalil lain akan digunakan.

Antara contohnya ialah melihat aurat pesakit dalam prosedur perubatan dan melihat bakal tunang sebelum berkahwin.

3. *Sadd al-Dharā'i*

Sadd al-Dharā'i bermaksud melarang sesuatu perbuatan yang asalnya dibenarkan, kemudian dilarang kerana ia membawa kepada mafsadah. Dalam hal ini, pemakaian *Sadd al-Dharā'i* bergantung kepada tiga tahap yang boleh membawa kepada mafsadah seperti berikut:



Contohnya ialah pengharaman helah kepada mukalaf yang bersedekah ketika mendekati haul zakat, sedangkan dia sudah cukup nisab.

Antara contoh lain ialah menjual senjata kepada orang yang berkemungkinan tinggi akan melakukan jenayah dan memberi hadiah kepada pegawai atasan demi kepentingan kedudukannya.

4. *Al-'Uruf*:

Al-'uruf ialah adat kebiasaan amalan oleh majoriti sesuatu masyarakat. Dalam ibarat yang lain, *al-'uruf* adalah sesuatu amalan yang dipraktikkan secara berterusan dan diterima oleh akal yang sihat.

Hubungan antara *al-'uruf* dengan *Maqasid al-Shari'ah* dapat dilihat dari beberapa aspek antaranya sebahagian daripada hukum syarak diperincikan oleh *al-'uruf*.

Contohnya, dalam kadar nafkah suami kepada ahli keluarga bagi mewujudkan kemaslahatan kepada pihak ahli keluarga dan mengangkat kesukaran dari suami.

Dari sudut yang lain, terdapat hukum-hukum ijtihad yang dibina berasaskan *al-'uruf*. Dalam hal ini, hukum-hukum tersebut akan berubah berdasarkan peredaran tempat, suasana dan keadaan untuk merealisasikan kemaslahatan kepada umat Islam.

Contohnya, penetapan mas kahwin, nafkah, harta sepencarian dan prosedur-prosedur pentadbiran dan pengurusan.

5. *Al-Istishab*

Al-Istishab bererti pengekalan hukum asal yang diputuskan sebelumnya sehingga ada dalil lain yang mengubahnya.

Contohnya ialah keharusan segala perkara yang tidak ada dalil yang melarang. Begitu juga, pengekalan sesebuah perkahwinan selagi mana tiada bukti pembubaran.

Hubungan *al-Istishab* dengan *Maqasid al-Shari'ah* dapat diperhatikan dengan jelas dari sudut keringanan yang diberikan oleh syarak yang melarang daripada menambahkan kewajipan tanpa ada dalil. Begitu juga, keringanan kepada manusia yang diharuskan untuk memakan apa sahaja yang tidak dilarang secara jelas dan tidak membahayakan. Elemen pemeliharaan kemaslahatan manusia jelas dalam hal ini.

SUBUNIT 1.5: OBJEKTIF (MAQASID) YANG TETAP DAN MEKANISME (WASILAH) YANG BERUBAH

Syariat telah menetapkan wasilah yang sesuai mengikut tempat dan masa untuk mencapai objektif Syarak (Maqasid). Dalam menentukan wasilah, telah berlaku banyak kekeliruan dan salah faham dalam memahami Syariah. Sebahagian manusia telah menggabungkan antara objektif dan wasilah untuk mencapai matlamat yang diinginkan. Hakikatnya, objektif (Maqasid) adalah perkara yang tetap dan kekal, manakala kebanyakan wasilah boleh berubah mengikut perubahan masa, tempat, persekitaran dan lain-lain faktor.

Contohnya isu pakaian bagi wanita. Allah SWT telah menyebut di dalam al-Quran berkenaan perintah melabuhkan pakaian bagi wanita muslimah sebagaimana firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ قُلْ لِّأَزْوَاجِكَ وَبَنَاتِكَ وَنِسَاءِ الْمُؤْمِنِينَ يُدْنِينَ عَلَيْهِنَّ مِنْ جَلْبِيزِهِنَّ ذَلِكَ أَدْنَى أَنْ يُعْرَفْنَ فَلَا يُؤْذَيْنَ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا ﴿٥٩﴾

Maksudnya: Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman supaya melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar); cara yang demikian lebih sesuai untuk mereka dikenal (sebagai perempuan yang baik-baik) maka dengan itu mereka tidak diganggu. Dan (ingatlah) Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani." (al-Ahzab,59).

Perintah ayat ini menyatakan agar melabuhkan pakaian (menutup aurat) tetapi bentuk pakaian itu tidak diperincikan secara terperinci mengikut fesyen pakaian yang ada pada masa kini. Ada yang mengikut adat sesebuah negara dan peredaran zaman dan juga mengikut hajat manusia dalam berpakaian.. Syarak tidak menghalangnya dengan syarat ianya perlu menjaga objektif asas yang dituntut oleh syarak dalam berpakaian iaitu menutup aurat dengan sempurna.

Daripada contoh di atas dapat disimpulkan bahawa objektifnya (Maqasid) ialah untuk menutup aurat dan menjaga kehormatan dengan sempurna dan objektif ini adalah tetap dan kekal. Manakala, wasilahnya ialah kepelbagaian bentuk dan cara pemakaian yang berubah mengikut masa, tempat, dan juga persekitaran.

Contoh yang lain ialah seperti model pemerintahan yang tidak diperincikan dan tidak statik. Apa yang penting ialah dalam pelaksanaan pemerintahan, objektif syarak yang perlu dicapai ialah seperti keadilan, ketelusan dan kebajikan kepada rakyat. Oleh itu, pelaksanaan pemerintahan pada zaman silam mungkin berbeza dengan zaman kini, namun, objektifnya tetap mencapai matlamat yang sama iaitu keadilan.



MODUL UNIT 2

MINDA MAQASID

MODUL UNIT 2: MINDA MAQASID

1. SINOPSIS

Tajuk ini menerangkan takrifan Minda Maqasid mengikut pendapat ulama'. Melalui unit ini akan dijelaskan dengan terperinci berkaitan faedah-faedah hasil daripada pemahaman Minda Maqasid. Dengan pendedahan tentang minda maqasid, seterusnya unit ini akan menerangkan juga kaedah-kaedah atau cara berfikir mengikut acuan Maqasid dalam bidang-bidang yang terpilih.

2. OBJEKTIF

- i. Menerangkan takrif dan konsep Minda Maqasid dalam kalangan ulama';
- ii. Menjelaskan Minda Maqasid sebagai satu pendekatan dalam pelbagai bidang melalui pembuatan keputusan dan pelaksanaannya;
- iii. Maqasid membentuk minda yang merencana setiap tindakan berasaskan objektif (*Maqasid al-Shari'ah*);

3. HASIL PEMBELAJARAN

Setelah mengikuti unit ini, peserta akan:

- i. Memahami bahawa setiap hukum mempunyai objektif dan hikmah;
- ii. Memahami teori dan aplikasi Minda Maqasid dalam bidang yang ditetapkan;
- iii. Mengaplikasi Minda Maqasid dalam perancangan dan pelaksanaan urusan harian.

4. KANDUNGAN

Unit ini mengandungi empat (4) Subunit seperti berikut:




5. KAEDAH PELAKSANAAN

Pelaksanaan Modul Unit 2 ini menggunakan beberapa kaedah, antaranya:

- Ceramah interaktif antara dua hala antara penceramah dan peserta;
- Perbincangan dan perkongsian idea daripada peserta;
- Rumusan Modul.

Masa: 1 jam 30 minit



MANUAL MODUL UNIT 2

MINDA MAQASID

MANUAL MODUL UNIT 2: MINDA MAQASID

SUBUNIT 2.1 TAKRIF MINDA MAQASID

Al-Raysuni menjelaskan Minda Maqasid ialah pemikiran yang berasaskan *Maqasid al-Shari`ah*, yang tertegak atas kaedah-kaedahnya dan membuahkan hasil.

Manakala menurut Prof. Jasser Auda, Minda Maqasid merujuk kepada pemikiran yang memfokuskan kepada objektif, matlamat dan menjawab kepada persoalan mengapa dan apa yang sedang diusahakan.

Minda Maqasid adalah satu konsep aplikasi impak daripada pemahaman mengenai *Maqasid al-Shari`ah* itu sendiri. *Maqasid al-Shari`ah* bukan sahaja ilmu yang perlu diketahui dalam lapangan penetapan hukum syarak. Malah, pembentukan Minda Maqasid dikenal pasti dapat membuahkan hasil yang terbaik dalam pelbagai aspek kehidupan termasuklah dalam lingkungan kehidupan seharian sehinggalah ke tahap pengurusan dan pentadbiran negara.

SUBUNIT 2.2 FAEDAH-FAEDAH MINDA MAQASID

i. Minda Maqasid Memandu Para Mujtahid

Al-Quran dan sunnah menjadi panduan dalam memahami ilmu Maqasid. *Maqasid al-Shari`ah* telah digunakan oleh para mujtahid sejak dahulu lagi dalam berinteraksi dengan nas-nas syarak. Hal ini kerana para mujtahid menggunakan *Maqasid al-Shari`ah* untuk membimbing dan membawa manfaat serta kebaikan kepada seluruh umat manusia.

Terdapat pelbagai pendekatan dalam berinteraksi dengan nas. Antaranya ialah pendekatan *maqasidiy*, pendekatan *lafzi* (literal) dan pendekatan *taqwili* (mengandaikan sesuatu sebagai maqasid tanpa sebarang hujah syarak).

Pendekatan *taqwili* adalah pendekatan yang bertentangan dengan kaedah sebenar kerana ia cenderung menafsirkan nas tanpa disiplin, dengan mengambil mudah segala kemungkinan makna dan tafsiran yang wujud dalam nas al-Quran mahupun Hadith. Menurut al-Raysuni, kecenderungan ijtihad sedemikian lahir daripada sikap mendakwa bahawa tafsiran mereka itu sahajalah paling tepat dan telah mewakili maksud sebenar nas, sedangkan pendapat yang dikemukakan sekadar dakwaan kosong yang tidak berpaksikan kepada dalil dan kaedah yang betul.

Pendekatan *lafzi* pula merupakan suatu bentuk pendekatan ijtihad dalam berinteraksi dengan lafaz nas secara zahir dan literal tanpa menyingkap tujuan dan maksud di sebalik nas. Pendekatan ini secara langsung tidak membezakan antara makna zahir nas dan Maqāṣid di sebaliknya bahkan, kedua-dua keadaan dianggap sama.

Pendekatan terbaik ialah pendekatan Maqasid kerana ia bukan sahaja memahami lafaz nas, malah mendalami objektif pensyariatannya.

ii. Maqasid Adalah Metode Pemerhatian Dan Pemikiran

Al-Quran telah menjelaskan bahawa Allah tidak menciptakan sesuatu dengan sia-sia, sebaliknya semua ciptaan-Nya mengandungi hikmah dan kebaikan. Begitu juga dengan perintah dan larangan-Nya. Ada *masalah* yang ingin diraih di sebalik sesuatu perintah syarak. Ada mafsadah yang ingin dielak di sebalik sesuatu larangan syarak.

Setiap objektif dan hikmah akan tercapai apabila seseorang itu melakukan suruhan dan meninggalkan larangan menurut objektif yang ditentukan oleh syarak.

Selain itu, Maqasid memberikan pemikiran dengan pandangan yang menyeluruh, bersepadu dan konsisten. Nas-nas dirujuk berdasarkan pandangan ulama yang muktabar, dalam masa sama berusaha memahami dan merealisasikan tuntutan nas-nas menurut situasi dan realiti yang berbeza.

Terdapat Maqasid yang berkaitan pemeliharaan lima perkara asasi iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Selain itu, ada juga pelbagai maqasid lain seperti keringanan (*taysir*) dalam melaksana hukum-hakam mengikut tahap cabaran yang dihadapi, memelihara alam sekitar, memelihara keamanan, memelihara fitrah manusia dan lain-lain. Semua ini merupakan *Maqasid 'Ammah* atau objektif umum.

Terdapat juga Maqasid khusus mengikut bidang. Contohnya kasih sayang dan rahmat dalam bidang kekeluargaan, membantu orang yang dizalimi dalam bidang kehakiman dan melaksanakan keadilan kewangan dalam bidang kewangan. Begitu juga bidang-bidang lain. Selain itu, ada juga maqasid di sebalik setiap hukum-hakam seperti di sebalik ibadat solat, puasa, haji, wuduk dan lain-lain.

Seseorang Muslim yang mengkaji dan berfikir menggunakan Minda Maqasid akan mengambil kira semua itu sebelum membuat keputusan dan semasa melakukan kajian. Islam mempunyai visi sedemikian sama ada tentang politik, ekonomi, undang-undang dan pendidikan.

iii. *Fath Al-Dharāʾi* dan *Sadd Al-Dharāʾi* Dalam Mencapai *Maqasid Al-Shari'ah*

Fath al-Dharāʾi ialah perkataan jamak bagi *al-Dharīʾah* yang bermaksud jalan yang membawa kepada sesuatu tujuan atau objektif.

Fath al-Dharāʾi bermaksud pembukaan jalan yang asalnya dilarang kerana membawa kepada tujuan yang boleh menghasilkan *maslahah* yang lebih besar.

Sadd al-Dharāʾi pula bermaksud menghalang sesuatu jalan yang asalnya diharuskan kerana kebarangkalian tinggi boleh membawa kepada kerosakan.

Imam al-Qarafi menjelaskan bahawa setiap *al-Dharīʾah* boleh dicegah dan diharuskan berdasarkan hukum Maqasid atau tujuan daripada *al-Dharīʾah* itu. Dengan kata lain, *al-Dharīʾah* ditentukan hukum berpandukan Maqasid berdasarkan kepada kaedah "*wasilah mengikuti hukum Maqasidnya*."

Maqasid	<i>al-Dharīʾah</i>
Haram	Haram
Wajib	Wajib

iv. Memberi perhatian kepada objektif mukalaf

Maqasid ini menjadi keutamaan kepada mukalaf. Menurut Imam al-Syatibi, tujuan pentaklifen adalah bebanan syariat mengikut kemampuan manusia yang boleh ditunaikan kerana Allah SWT tidak membebankan manusia di luar kemampuan mereka.

Dalam hal ini, objektif mukalaf akan membezakan antara ibadat dan adat. Perkara utama yang dikejar adalah ibadah, dan seterusnya ialah adat. Niat boleh menukarkan adat menjadi ibadat, begitu juga ibadat boleh bertukar menjadi sekadar adat. Contohnya, basuhan anggota wuduk tidak dianggap berwuduk jika dilakukan tanpa niat. Begitu juga dengan implikasi dalam hal-hal yang lain dalam skop ibadat dan adat yang mana bergantung kepada objektif mukalaf.

v. Maqasid menghilangkan rasa jemu dan memandu amalan

Dalam kehidupan kita, tidak dapat lari daripada rasa jemu, berputus asa dan lesu. Syariah datang dengan ibadat yang berbagai bentuk melibatkan perbuatan, ucapan, hati dan fikiran. Kepelbagaian ini mengelakkan manusia daripada rasa jemu dalam mengabdikan diri kepada Allah SWT. Contohnya, solat fardhu dan solat sunat, puasa fardhu dan puasa sunat, pelbagai bentuk zikir dan doa dan lain-lain.

Selain itu, syariat juga datang dengan keringanan (*rukhsah*) pada waktu tertentu untuk memudahkan urusan manusia dan mengelakkan mereka daripada kesulitan, keberatan dan rasa jemu. Syariat juga memandu kehidupan manusia dan mendidik mereka agar melaksanakan perintah dan meninggalkan larangan dengan menjelaskan objektif di sebaliknya.

vi. Maqasid dalam melaksanakan dakwah dengan penuh kebijaksanaan

Dalam melaksanakan dakwah, pendakwah perlu ada ilmu pengetahuan. Firman Allah SWT:

قُلْ هَذِهِ سَبِيلِي أَدْعُو إِلَى اللَّهِ عَلَى بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٠٨﴾
Maksudnya: Katakanlah (Muhammad), "Inilah jalanku, aku dan orang-orang yang mengikutiku mengajak (kamu) kepada Allah dengan yakin, Maha suci Allah, dan aku tidak termasuk orang-orang musyrik." (Yusuf,108)

Berdasarkan ayat di atas, pendakwah perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang agama. Salah satu perkara yang penting dalam menyampaikan dakwah ialah pengetahuan tentang maqasid di sebalik akidah, hukum-hakam dan adab. Ini juga yang dimaksudkan dengan dakwah kepada Allah SWT sebagaimana Firman Allah SWT:

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجِدْ لَهُم بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۚ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾
Maksudnya: Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayat petunjuk. (An-Nahl:125)

Berdakwah dengan bijaksana ialah menjelaskan hikmah sesuatu perkara. *Maqasid al-Shari`ah* menjelaskan hikmah-hikmah disebalik hukum-hakam seperti 'memperkasa perpaduan masyarakat' sebagai salah satu hikmah pensyariatan zakat, berbuat baik kepada jiran dan mengucapkan salam kepada manusia. Selain itu, antara contoh hikmah dapat dilihat di sebalik penetapan hukum solat, zakat dan puasa iaitu ketakwaan kepada Allah SWT.

Atas dasar keperluan zaman dan masyarakat, pendakwah perlu menerangkan tentang hikmah di sebalik pensyariatan. Tujuannya agar masyarakat dapat menerima hukum dengan kerelaan hati dan berlapang dada. Bahkan, melalui penjelasan tentang hikmah, keraguan tentang syariat dapat dihilangkan dan menambah nilai keyakinan dan keimanan padanya.

SUBUNIT 2.3 : KAEDAH-KAEDAH MINDA MAQASID

Al-Raysuni menggariskan empat kaedah berkaitan Minda Maqasid seperti berikut:



i. Setiap hukum mempunyai 'illah, tujuan dan *maslahah*.

Minda Maqasid terbina atas pemahaman bahawa setiap pensyariatan yang ditetapkan oleh Allah SWT mempunyai 'illah, objektif dan kemaslahatannya. Ia disebutkan secara jelas atau secara tidak langsung dalam ayat-ayat al-Quran dan Hadith. Seseorang faqih tidak terhalang daripada meneroka 'illah atau tujuan pensyariatan tersebut. Penelitian terhadap 'illah tidak seharusnya terhenti pada satu zaman tertentu, bahkan ia perlu diteruskan demi kelangsungan pemahaman terhadap *Maqasid al-Shari'ah*.

ii. Penentuan objektif pensyariatan hanya dengan dalil.

Kaedah ini menunjukkan bahawa kenyataan mengenai *Maqasid al-Shari'ah* serta penentuan dan penetapannya tidak boleh diterima daripada sesiapa melainkan dengan dalil yang ditetapkan dan pendekatan yang diterima.

Oleh kerana itu, Ibn 'Ashur memberi penegasan tentang tindakan bermudah-mudah atau gopoh-gapah dalam mendakwa sesuatu sebagai maqasid sebelum menyelidik dan menelitinya. Beliau berkata:

"Pengkaji dalam *Maqasid al-shari'ah* hendaklah menyelidik dengan lama dan meneliti dengan baik ketika menetapkan sesuatu objektif syarak. Dia hendaklah menjauhi daripada sikap bermudah-mudah dan gopoh-gapah dalam menetapkan. Hal ini kerana penentuan sesuatu objektif syarak -sama ada yang bersifat umum ataupun khusus- merupakan perkara yang mengakibatkan kemunculan banyak dalil dan hukum daripada proses istinbat. Kesalahan dalam proses tersebut mengandungi bahaya yang besar.

Oleh itu, seseorang mujtahid hendaklah tidak menentukan sesuatu objektif syarak melainkan selepas melakukan kajian induktif terhadap tingkah laku Shari'ah dalam bidang yang ingin dikeluarkan objektif syarak. Begitu juga setelah mengikuti jejak langkah imam-imam fiqh untuk mengambil panduan daripada kefahaman mereka dan hasil yang diperoleh mereka menerusi praktik terhadap prinsip dan kaedah syarak. Sekiranya pengkaji tersebut melakukan yang demikian, dia akan memperoleh kekuatan istinbat yang membolehkannya untuk memahami objektif syarak."

iii. Mengenal *masalah* (kebaikan) dan mafsadah (keburukan).

Antara keunikan Minda Maqasid ialah ia membentuk pemikiran yang teratur dan berstrategi. Setiap perkara disusun mengikut keutamaan dan tidak bercampur aduk antara satu perkara dengan yang lain. Dalam memahami konsep Maqasid *al-Shari'ah*, ia berkisar tentang memelihara *masalah* dan mengelakkan mafsadah. Pelbagai wasilah untuk mencapai kebaikan perlu dikenal pasti mengikut keutamaan. Begitu juga pelbagai wasilah yang membawa kepada keburukan perlu dikenal pasti untuk dielakkan mengikut keutamaan.

Melalui pendekatan ini, kita akan lebih mudah menyusun tindakan yang sewajarnya berdasarkan keutamaan. Contohnya, setiap pemandu dikehendaki mematuhi undang-undang jalan raya. Namun, apabila berlaku kecemasan, seorang pemandu ambulan diberi keutamaan untuk dikecualikan daripada mematuhi undang-undang jalan raya demi menyelamatkan nyawa seorang pesakit.

vii. Membezakan antara objektif dan wasilah.

Dalam pensyariatkan sesuatu hukum, suruhan atau larangan untuk melaksanakan sesuatu perkara adalah wasilah untuk mencapai objektif tertentu. Wasilah boleh datang dalam pelbagai peringkat sebelum objektif utama itu dicapai. Sebagai contoh, Izz al-Din Ibn Abd al-Salam menjelaskan mempelajari sesuatu hukum syarak adalah wasilah kepada mengetahui sesuatu hukum. Mengetahui sesuatu hukum pula adalah jalan untuk menunjukkan ketaatan kepada Allah SWT dan ia adalah wasilah untuk mencapai objektif utama iaitu untuk mendapatkan ganjaran daripada Allah SWT dan keredaan-Nya.

Apabila kita dapat mengenal pasti antara objektif dan wasilah, pemikiran dan tindakan dapat ditumpukan kepada sesuatu yang lebih luas dan tidak terhad kepada suatu peringkat di bawah semata-mata. Hukum-hakam yang ditetapkan oleh Allah secara jelas dalam wahyu-Nya dan ijihad para ulama difahami sebagai satu wasilah penting untuk mencapai suatu objektif yang lebih besar.

Dalam keadaan tertentu yang agak sukar untuk ditangani dalam melaksanakan sesuatu wasilah tersebut, kita akan memahami bahawa skop pensyariatan tidaklah sempit kepada satu hukum tertentu sahaja. Malah ia boleh diteliti kembali mengikut disiplin ilmunya untuk mencapai objektif pensyariatan tersebut. Pemahaman ini akan membantu kita memahami aspek pengurusan berteraskan *Maqasid al-Shari`ah*. Antara kaedah-kaedah wasilah ialah:

Kaedah-kaedah	Contoh
<i>Maslahah</i> terbahagi kepada dua iaitu: • Maqasid dan; • Wasilah.	Jihad ialah wasilah kepada objektif menentang pencerobohan musuh dan memperkasa umat Islam. Manakala, persiapan untuk jihad pula ialah wasilah kepada wasilah jihad.
Wasilah mengikut hukum maqasid.	Arak dilarang kerana ianya boleh merosakkan akal manusia. Oleh itu, segala perkara yang berkaitan dengan arak adalah dilarang sepertimana dalam hadis Rasulullah SAW bersabda yang maksudnya: Dalam persoalan arak ada sepuluh orang yang dikutuk kerananya iaitu pembuatnya, pengedarnya, peminumnya, pembawanya, pengirimnya, penuangnya, penjualnya, pemakan hasil wangnya, pembayarnya dan pemesannya. Melalui hadis ini jelaslah bahawa segala perkara atau perbuatan yang berkaitan dengan arak seperti mempromosikannya melalui iklan, bekerja di kilang arak dan sebagainya ialah wasilah yang diharamkan.
Wasilah yang kuat adalah untuk mencapai <i>maslahah</i> yang lebih baik.	Dakwah media baharu dengan menggunakan aplikasi media sosial yang ada pada hari ini ialah wasilah yang lebih berkesan dalam mencapai maqasid dakwah.
Apabila maqasid tergugur, wasilah turut tergugur.	Seorang lelaki yang bermusafir pada hari Jumaat dan dilakukan sebelum fajar, maka gugur keatasnya untuk melakukan solat Jumaat.

SUBUNIT 2.4 : RUANG APLIKASI MINDA MAQASID

Maqasid al-Shari`ah tidak terhad kepada tujuan untuk pembuatan hukum semata-mata. Dengan memahami bahawa syariat diturunkan untuk sekalian alam, hal ini membuktikan bahawa setiap aspek kehidupan mengandungi tujuan pensyariatan yang tinggi yang menghubungkan manusia dengan Penciptanya. Sebagai contoh:

- i. Objektif mengukuhkan perpaduan dalam kalangan umat Islam dapat diteliti melalui ayat-ayat al-Quran seperti berikut; firman Allah SWT:

مَا يَأْتِيهِمْ مِّن ذِكْرٍ مِّن رَّبِّهِمْ يُحَدِّثُ إِلَّا أَسْتَمَعُوهُ وَهُمْ يَلْعَبُونَ ﴿١٠٢﴾

Maksudnya: Tidak datang kepada mereka itu sebarang peringatan yang diturunkan dari Tuhan mereka lepas satu: satu, melainkan mereka memasang telinga mendengarnya sambil mereka mempermain-mainkannya. (al-Anbiya, 2)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ ۖ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٣﴾ وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا ۚ وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَىٰ شَفَا حُفْرَةٍ مِّنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُم مِّنْهَا ۚ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ ءَايَاتِهِ ۚ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٠٤﴾

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takwa dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam. Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu bercerai-berai dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa jahiliah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang Neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliah), lalu Allah selamatkan kamu dari Neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keteranganNya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayat-Nya. (Al-Imran, 102-103)

فَإِنْ تَابُوا وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَءَاتَوْا الزَّكَاةَ فَإِخْوَانُكُمْ فِي الدِّينِ ۖ وَنُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿١١﴾

Maksudnya: Oleh itu, jika mereka bertaubat (dari kekufuran) dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat, maka mereka itu adalah saudara kamu yang seagama dan Kami menjelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatu bagi kaum yang mahu mengetahui. (al-Taubah, 11)

وَالَّذِي أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ هُوَ الْحَقُّ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ بِعِبَادِهِ لَخَبِيرٌ بَصِيرٌ ﴿٣٦﴾ ثُمَّ أَوْرَثْنَا الْكِتَابَ الَّذِينَ اصْطَفَيْنَا مِنْ عِبَادِنَا فَمِنْهُمْ ظَالِمٌ لِّنَفْسِهِ ۖ وَمِنْهُمْ مُّقْتَصِدٌ وَمِنْهُمْ سَابِقٌ بِالْخَيْرَاتِ ۖ إِذْنُ اللَّهِ ۚ ذَٰلِكَ هُوَ الْفَضْلُ الْكَبِيرُ ﴿٣٧﴾

Maksudnya: Dan Al-Quran yang Kami wahyukan kepadamu (wahai Muhammad) ialah yang benar (segala-galanya) yang tetap mengesahkan Kitab-kitab yang diturunkan sebelumnya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan sedalam-dalamnya akan keadaan sekalian hambaNya, lagi Maha Melihat dan memerhatikan. Kemudian Kami jadikan Al-Quran itu diwarisi oleh orang-orang yang Kami pilih dari kalangan hamba-hamba Kami; maka di antara mereka ada yang berlaku zalim kepada dirinya sendiri (dengan tidak mengindahkan ajaran Al-Quran) dan di antaranya ada yang bersikap sederhana dan di antaranya pula ada

yang mendahului (orang lain) dalam berbuat kebaikan dengan izin Allah. Yang demikian itu ialah limpah kurnia yang besar (dari Allah semata-mata).

(al-Fathir, 31 – 32);

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاهُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya: Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu). (al-Hujurat,13)

ii. Objektif pemeliharaan alam melalui:

a. Memanfaatkan sumber alam yang diciptakan oleh Allah seperti yang dinyatakan dalam pelbagai ayat dalam al-Quran seperti berikut:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَالْفُلْكِ الَّتِي تَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِمَا يَنْفَعُ النَّاسَ وَمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ مَّاءٍ فَأَحْيَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَبَثَّ فِيهَا مِنْ كُلِّ دَابَّةٍ وَتَصْرِيفِ الرِّيْحِ وَالسَّحَابِ الْمُسَخَّرِ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿١٦٤﴾

Maksudnya: Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, silih bergantinya malam dan siang, bahtera yang berlayar di laut membawa apa yang berguna bagi manusia, dan apa yang Allah turunkan dari langit berupa air, lalu dengan air itu Dia hidupan bumi sesudah mati (kering) -nya dan Dia sebarkan di bumi itu segala jenis hewan, dan pengisaran angin dan awan yang dikendalikan antara langit dan bumi; Sungguh (terdapat) tanda-tanda (keesaan dan kebesaran Allah) bagi kaum yang memikirkan.

(al-Baqarah,164).

إِنَّ رَبَّكُمُ اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ اسْتَوَىٰ عَلَى الْعَرْشِ يُغْشَى اللَّيْلَ النَّهَارَ يَطْلُبُهُ حَثِيثًا وَالشَّمْسُ وَالْقَمَرُ وَالنُّجُومُ مُسَخَّرَاتٌ بِأَمْرِ رَبِّهِ ۗ أَلَا لَهُ الْخَلْقُ وَالْأَمْرُ ۗ تَبَارَكَ اللَّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ ﴿٥٤﴾

Maksudnya: Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah Yang Menciptakan langit dan bumi dalam enam masa lalu Dia bersemayam di atas Arasy; Dia melindungi malam dengan siang yang mengiringinya dengan deras (silih berganti) dan (Dia pula Yang Menciptakan) matahari dan bulan serta bintang-bintang, (semuanya) tunduk kepada perintahNya. Ingatlah, kepada Allah jualah tertentu urusan menciptakan (sekalian makhluk) dan urusan pemerintahan. Maha Suci Allah Yang Mencipta dan Mentadbirkan sekalian alam. (al-A'raf, 54).

وَهُوَ الَّذِي سَخَّرَ الْبَحْرَ لِتَأْكُلُوا مِنْهُ لَحْمًا طَرِيًّا وَتَسْتَخْرِجُوا مِنْهُ حِلْيَةً تَلْبَسُونَهَا وَتَرَى الْفُلْكَ مَوَاجِرَ فِيهِ وَلِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ وَلِعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٤﴾

Maksudnya: Dan Dialah yang memudahkan laut, supaya kamu dapat makan daripadanya daging yang lembut hidup-hidup dan dapat pula mengeluarkan daripadanya benda-benda perhiasan untuk kamu memakainya dan (selain itu) engkau melihat pula kapal-kapal belayar padanya dan lagi supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurniaNya dan supaya kamu bersyukur. (al-Nahl,14)

وَالْبُدْنَ جَعَلْنَاهَا لَكُمْ مِنْ شَعْتِيرِ اللَّهِ لَكُمْ فِيهَا خَيْرٌ فَاذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَيْهَا صَوَافٍ فَإِذَا وَجَبَتْ جُنُوبُهَا فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطِيعُوا الْقَانِعَ وَالْمُعْتَرَّ كَذَلِكَ سَخَّرْنَاهَا لَكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٣٦﴾ لَنْ يَنَالَ اللَّهُ لُحُومَهَا وَلَا دِمَآؤُهَا وَلَكِنْ يَنَالُهُ التَّقْوَى مِنْكُمْ كَذَلِكَ سَخَّرَهَا لَكُمْ لِشُكْرٍ عَلَى مَا هَدَيْنَاكُمْ وَبَشِّرِ الْمُحْسِنِينَ ﴿٣٧﴾

Maksudnya: Dan Kami jadikan unta (yang dihadiahkan kepada fakir miskin Mekah itu) sebahagian dari syiar agama Allah untuk kamu; pada menyembelih unta yang tersebut ada kebaikan bagi kamu; oleh itu sebutlah nama Allah (semasa menyembelihnya) ketika ia berdiri di atas tiga kakinya maka apabila ia tumbang (serta putus nyawanya), makanlah sebahagian daripadanya dan berilah (bahagian yang lain) kepada orang-orang yang tidak meminta dan yang meminta. Demikianlah Kami mudahkan ia untuk kamu (menguasainya dan menyembelihnya) supaya kamu bersyukur. Daging dan darah binatang korban atau hadiah itu tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepadaNya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan takwa dari kamu. Demikianlah Dia memudahkan binatang-binatang itu bagi kamu supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat nikmat petunjukNya. Dan sampaikanlah berita gembira (dengan balasan yang sebaik-baiknya) kepada orang-orang yang berusaha supaya baik amalnya. (al-Hajj, 36-37)

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ سَخَّرَ لَكُمْ مَّا فِي الْأَرْضِ وَالْفُلْكَ تَجْرَى فِي الْبَحْرِ بِأَمْرِهِ وَيُمْسِكُ السَّمَاءَ أَنْ تَقَعَ عَلَى الْأَرْضِ إِلَّا بِإِذْنِهِ إِنَّ اللَّهَ بِالنَّاسِ لَرَّءُوفٌ رَحِيمٌ ﴿١٥﴾

Maksudnya: Tidakkah engkau melihat bahawa Allah telah memudahkan apa yang ada di bumi untuk kegunaan kamu dan (demikian juga) kapal-kapal yang belayar di laut dengan perintahNya? Dan Dia pula menahan langit daripada runtuh menimpa bumi, kecuali dengan izinNya; sesungguhnya Allah Amat melimpah belas kasihanNya dan rahmatNya kepada umat manusia. (al-Hajj,65)

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمْ الْأَرْضَ ذُلُولًا فَامْشُوا فِي مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا مِنْ رِزْقِهِ وَإِلَيْهِ النُّشُورُ ﴿١٥﴾

Maksudnya: Dialah yang menjadikan bumi bagi kamu: Mudah digunakan, maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya, serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah; dan (ingatlah), kepada Allah jualah (tempat kembali kamu sesudah) dibangkitkan hidup semula; (maka hargailah nikmatNya dan takutilah kemurkaanNya). (al-Mulk, ayat 15)

۞ اللَّهُ الَّذِي سَخَّرَ لَكُمُ الْبَحْرَ لِتَجْرِيَ الْفُلُكُ فِيهِ بِأَمْرِهِ ۖ وَلِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ ۚ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٢﴾
 ۞ وَسَخَّرَ لَكُم مَّا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مِّنْهُ ۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَعْتَكِرُونَ ﴿١٣﴾
 Maksudnya: Allah yang memudahkan laut bagi kegunaan kamu, supaya kapal-kapal belayar padanya dengan perintahNya dan supaya kamu mencari rezeki dari limpah kurniaNya dan juga supaya kamu bersyukur. Dan Dia memudahkan untuk (faedah dan kegunaan) kamu, segala yang ada di langit dan yang ada di bumi, (sebagai rahmat pemberian) daripadanya; sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda (yang membuktikan kemurahan dan kekuasaanNya) bagi kaum yang memikirkannya dengan teliti. (al-Jathiyah, ayat 12 – 13)

b. Mengelakkan kerosakan alam seperti yang terkandung dalam ayat-ayat al-Quran seperti berikut:

۞ وَإِذْ أَسْتَسْقَىٰ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ فَقُلْنَا اضْرِبْ بِعَصَاكَ الْحَجَرَ ۖ فَانْفَجَرَتْ مِنْهُ اثْنَتَا عَشْرَةَ عَيْنًا قَدْ عَلِمَ كُلُّ أُنَاسٍ مَّشْرِبَهُمْ ۖ كُلُوا وَاشْرَبُوا مِنْ رِّزْقِ اللَّهِ وَلَا تَعْتُوا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ ﴿٦٠﴾
 Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika Nabi Musa memohon supaya diberi air untuk kaumnya, maka Kami berfirman: Pukullah batu itu dengan tongkatmu, (dia pun memukulnya), lalu terpancutlah dari batu itu dua belas mata air; sesungguhnya tiap-tiap satu puak (di antara mereka) telah mengetahui tempat minumnya masing-masing. (Dan Kami berfirman): Makanlah dan minumlah kamu dari rezeki Allah itu dan janganlah kamu merebakkan bencana kerosakan di muka bumi. (al-Baqarah, 60)

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا ۚ إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٥٦﴾
 Maksudnya: Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya dan berdoalah kepadaNya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharap (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya. (al-A'raf, 56),

سَلِّ بَنِي إِسْرَءِيلَ كَمَا ءَاتَيْنَهُمْ مِّنْ آيَةٍ بَيِّنَةٍ ۖ وَمَنْ يُبَدِّلْ نِعْمَةَ اللَّهِ مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَتْهُ فَإِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢١١﴾
 Maksudnya: Tanyakanlah kepada Bani Israel: «Berapa banyaknya tanda-tanda (kebenaran) yang nyata, yang telah Kami berikan kepada mereka». Dan barang siapa yang menukar nikmat Allah setelah datang nikmat itu kepadanya, maka sesungguhnya Allah sangat keras siksa-Nya. (al-Baqarah, 211)

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤١﴾
 Maksudnya: Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan

perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat). (al-Rum, 41)

iii. Objektif menegakkan keadilan sosial, ekonomi dan perundangan dapat diteliti dalam pelbagai nas al-Quran seperti berikut:

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا﴾ (٥٨)

Maksudnya: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat. (al-Nisa, 58 dan 135)

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ لِلَّهِ وَلَوْ عَلَىٰ أَنْفُسِكُمْ أَوِ الْوَالِدِينَ وَالْأَقْرَبِينَ إِن يَكُنْ غَنِيًّا أَوْ فَقِيرًا فَاللَّهُ أَوْلَىٰ بِهِمَا فَلَا تَتَّبِعُوا الْهَوَىٰ أَنْ تَعْدِلُوا وَإِنْ تَلَوُّا أَوْ تُعْرَضُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا﴾ (١٣٥)

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu. Kalaulah orang (yang didakwa) itu kaya atau miskin (maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa), kerana Allah lebih bertimbang rasa kepada keduanya. Oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng dari keadilan. Dan jika kamu memutar-balikkan keterangan ataupun enggan (daripada menjadi saksi), maka sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan. (al-Nisa, 135)

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلَىٰ أَلَّا تَعْدِلُوا أَعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ﴾ (٨)

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan. (al-Maidah, 8)

وَلَا تَقْرُبُوا مَالَ الْيَتِيمِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ حَتَّىٰ يَبْلُغَ أَشُدَّهُ وَأَوْفُوا بِالْكَيْلِ وَالْمِيزَانَ بِالْقِسْطِ ۚ لَا تَكِلُفَ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا وَإِذَا قُلْتُمْ فَاعْدِلُوا وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَىٰ ۖ وَبِعَهْدِ اللَّهِ أَوْفُوا ذَٰلِكُمْ وَصَّكُم بِهِ ۚ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٥٢﴾

Maksudnya: Dan janganlah kamu hampiri harta anak yatim melainkan dengan cara yang baik (untuk mengawal dan mengembangkannya), sehingga dia baligh (dewasa, serta layak mengurus hartanya dengan sendiri) dan sempurnakanlah segala sukatan dan timbangan dengan adil. Kami tidak memberatkan seseorang dengan kewajiban melainkan sekadar kesanggupannya dan apabila kamu mengatakan sesuatu (semasa membuat apa-apa keterangan) maka hendaklah kamu berlaku adil, sekalipun orang itu ada hubungan kerabat (dengan kamu) dan perjanjian (perintah-perintah) Allah hendaklah kamu sempurnakan. Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu beringat (mematuhiNya). (al-An'am, 152)

فَرِيقًا هَدَىٰ وَفَرِيقًا حَقَّ عَلَيْهِمُ الضَّلَالَةُ إِنَّهُمْ اتَّخَذُوا الشَّيَاطِينَ أَوْلِيَاءَ مِن دُونِ اللَّهِ وَيَحْسَبُونَ أَنَّهُمْ مُّهْتَدُونَ ﴿٣٠﴾

Maksudnya: Sebahagian (dari umat manusia) diberi hidayat petunjuk oleh Allah (dengan diberi taufiq untuk beriman dan beramal soleh) dan sebahagian lagi (yang ingkar) berhaklah mereka ditimpa kesesatan (dengan pilihan mereka sendiri), kerana sesungguhnya mereka telah menjadikan Syaitan-syaitan itu pemimpin-pemimpin (yang ditaati) selain Allah. Serta mereka pula menyangka, bahawa mereka berada dalam petunjuk hidayat. (al-A'raf, 30)

۞ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩١﴾

Maksudnya: Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Dia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya. (al-Nahl, 90)

۞ وَهَلْ أَتَاكَ نَبَأُ الْخَضَمِ إِذْ تَسَوَّرُوا الْمِحْرَابَ ﴿٢١﴾ إِذْ دَخَلُوا عَلَىٰ دَاوُدَ فَفَزِعَ مِنْهُمْ قَالُوا لَا تَخَفْ خَصَمَانِ بَغَىٰ بَعْضُنَا عَلَىٰ بَعْضٍ فَاحْكُم بَيْنَنَا بِالْحَقِّ وَلَا تُشْطِطْ وَاهْدِنَا إِلَىٰ سَوَاءِ الصِّرَاطِ ﴿٢٢﴾

Maksudnya: Dan sudahkah sampai kepadamu (wahai Muhammad) berita (perbicaraan dua) orang yang berselisihan? Ketika mereka memanjat tembok tempat ibadat; iaitu ketika mereka masuk kepada Nabi Daud, lalu dia terkejut melihat mereka; mereka berkata kepadanya: Janganlah takut, (kami ini) adalah dua orang yang berselisihan, salah seorang dari kami telah berlaku zalim kepada yang lain; oleh itu hukumkanlah di antara kami dengan adil dan janganlah melampaui (batas keadilan), serta pimpinlah kami ke jalan yang lurus. (As-Sad, 21 – 22 dan 26)

يَا دَاوُدُ إِنَّا جَعَلْنَاكَ خَلِيفَةً فِي الْأَرْضِ فَاحْكُم بَيْنَ النَّاسِ بِالْحَقِّ وَلَا تَتَّبِعِ الْهَوَىٰ فَيُضِلَّكَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ إِنَّ الَّذِينَ يَضِلُّونَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ بِمَا نَسُوا يَوْمَ الْحِسَابِ ﴿٢٦﴾

Maksudnya: Wahai Daud, sesungguhnya Kami telah menjadikanmu khalifah di bumi, maka jalankanlah hukum di antara manusia dengan (hukum syariat) yang benar (yang diwahyukan kepadamu) dan janganlah engkau menurut hawa nafsu, kerana yang demikian itu akan menyesatkanmu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah, akan beroleh azab yang berat pada hari hitungan amal, disebabkan mereka melupakan (jalan Allah) itu. (As-Sad,26)

لَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلَنَا بِالْبَيِّنَاتِ وَأَنْزَلْنَا مَعَهُمُ الْكِتَابَ وَالْمِيزَانَ لِيَقُومَ النَّاسُ بِالْقِسْطِ وَأَنْزَلْنَا الْحَدِيدَ فِيهِ بَأْسٌ شَدِيدٌ وَمَنْفَعٌ لِلنَّاسِ وَلِيَعْلَمَ اللَّهُ مَنْ يَنْصُرُهُ وَرُسُلَهُ بِالْغَيْبِ إِنَّ اللَّهَ قَوِيٌّ عَزِيزٌ ﴿٢٥﴾

Maksudnya: Demi sesungguhnya! Kami telah mengutus Rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti dan mukjizat yang jelas nyata dan Kami telah menurunkan bersama-sama mereka Kitab Suci dan keterangan yang menjadi neraca keadilan, supaya manusia dapat menjalankan keadilan dan kami telah menciptakan besi dengan keadaannya mengandungi kekuatan yang handal serta berbagai faedah lagi bagi manusia. (Dijadikan besi dengan keadaan yang demikian, supaya manusia menggunakan faedah-faedah itu dalam kehidupan mereka sehari-hari) dan supaya ternyata pengetahuan Allah tentang orang yang (menggunakan kekuatan handalnya itu untuk) menegak dan mempertahankan agama Allah serta menolong Rasul-rasulNya, padahal balasan baiknya tidak kelihatan (kepadanya); sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa. (al-Hadid, 25)

لَا يَنْهَكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقْتُلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُمْ مِّنْ دِيَارِكُمْ أَن تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴿٨﴾

Maksudnya: Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu) dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil. (al-Mumtahanah,8).

Justeru, aplikasi *Maqasid al-Shari`ah* tidak sekadar berkaitan dengan hukum-hakam, malah merangkumi pemahaman yang luas termasuk objektif *khassah* dan objektif *'ammah*. Aplikasi *Maqasid al-Shari`ah* dalam pentadbiran negara merangkumi bidang-bidang utama seperti yang berikut:

1. Tadbir Urus
2. Ekonomi
3. Pendidikan
4. Kesihatan
5. Keselamatan
6. Prasarana
7. Teknologi
8. Budaya dan Sosial

MODUL UNIT 3

IMPLIKASI MINDA MAQASID KEPADA KUMPULAN PELAKSANA

MODUL UNIT 3: IMPLIKASI MINDA MAQASID KEPADA KUMPULAN PELAKSANA

1. SINOPSIS

Tajuk ini menerangkan tentang pelaksanaan, penghayatan dan pengaplikasian *Maqasid al-Shari`ah* dalam peringkat pelaksana iaitu individu, keluarga, masyarakat, organisasi dan kerajaan. Penerapan dan penghayatan Minda Maqasid amat penting dalam kitaran pelaksana supaya dapat memberi impak positif kepada rakyat dan negara dalam mengambil kira kebaikan (*maslahah*) dan menolak keburukan (*mafsadah*).

2. OBJEKTIF

Menjelaskan kepada kumpulan sasaran mengenai tanggungjawab dan peranan masing-masing untuk mencapai matlamat kehidupan yang lestari mengikut acuan *Maqasid al-Shari`ah*.

3. HASIL PEMBELAJARAN

Setelah mengikuti tajuk ini, peserta akan dapat mengetahui dan memahami bahawa pemikiran berlandaskan *Maqasid al-Shari`ah* pada setiap peringkat pelaksana akan mendorong kepada jaminan keselamatan, kesejahteraan dan kemakmuran serta kesepaduan hidup pelbagai agama, bangsa dan budaya dalam masyarakat. Ini adalah hasil daripada peranan dan juga tanggungjawab setiap mukalaf untuk mencapai keredhaan Allah SWT di dunia dan akhirat.

4. KANDUNGAN

Unit ini mengandungi satu subunit seperti berikut:

SUBUNIT
1.1

Implikasi Minda Maqasid

5. KAEDAH PELAKSANAAN

Pelaksanaan Modul Unit 3 ini menggunakan beberapa kaedah, antaranya:

- i. Ceramah interaktif antara dua hala antara penceramah dan peserta;
- ii. Perbincangan dan perkongsian idea daripada peserta;
- iii. Rumusan Modul.

Masa: 1 jam

MANUAL MODUL UNIT 3

IMPLIKASI MINDA MAQASID KEPADA KUMPULAN PELAKSANA

MANUAL MODUL UNIT 3: IMPLIKASI MINDA MAQASID KEPADA KUMPULAN PELAKSANA

INDIVIDU

Seseorang individu yang berminda Maqasid dapat merasai implikasi kelestarian dalam urusan kehidupan mereka kerana:

- » Melalui pengetahuan agama yang tinggi, mereka akan dapat melaksana dan meningkatkan mutu ibadah serta mengetahui hala tuju (objektif) untuk kehidupan sejahtera di dunia dan akhirat;
- » Minda Maqasid yang bersandarkan kepada kaedah meraih kebaikan dan menolak keburukan dapat membantu individu untuk menjaga kesihatan diri dan pemakanan serta mengelakkan daripada melakukan perkara yang boleh memudaratkan diri atau orang lain;
- » Seseorang individu yang mempunyai Minda Maqasid akan meletakkan keperluan tentang nilai dan akhlak yang lebih terjaga;
- » Minda Maqasid juga dapat membantu individu untuk menguruskan perbelanjaan kewangan secara berhemah dengan tidak mengambil dan menindas hak orang lain; dan
- » Membuat pertimbangan dan keputusan yang lebih adil serta berpandangan jauh.

KELUARGA

Pemikiran yang berpaksikan kepada *Maqasid al-Shari'ah* akan melahirkan sebuah keluarga yang sejahtera kerana:

- » Dapat diterapkan didikan agama yang sempurna kepada ahli keluarga bermula dari kecil hingga dewasa dari sudut akidah, syariah dan akhlaknya;
- » Melalui Minda Maqasid, antara objektif perkahwinan adalah untuk memelihara keharmonian dan keberkatan dalam sebuah keluarga;
- » Minda Maqasid dapat membantu ibu bapa mengamalkan ilmu keibubapaan berdasarkan pertimbangan *maslahah* dan mafsadah;
- » Minda Maqasid dapat membantu setiap anggota keluarga memainkan peranan demi mencapai maqasid kekeluargaan;
- » Dengan adanya Minda Maqasid hubungan kekeluargaan dan hubungan nasab sebuah keluarga akan terjaga dan terjamin serta terhindar daripada hubungan yang ditegah oleh syarak.

MASYARAKAT

Pemikiran yang berpaksikan kepada *Maqasid al-Shari'ah* akan memberikan implikasi yang baik dan mengukuhkan kesatuan masyarakat kerana:

- » Matlamat utama hidup bermasyarakat adalah untuk mencapai pemeliharaan keharmonian antara kaum dan penganut agama;
- » Penyatuan masyarakat majmuk dapat dipamerkan melalui cara interaksi dan hubungan sesama individu dan masyarakat;
- » Dapat mengukuhkan hubungan sosial dalam kalangan masyarakat yang berbilang bangsa dan agama;
- » Berusaha untuk mendamaikan setiap perbezaan pandangan dan pendapat dalam kalangan masyarakat;
- » Dapat mengamalkan sikap keterbukaan dan menghormati perbezaan pandangan dan pendirian.

ORGANISASI


Pemikiran yang mengikut acuan *Maqasid al-Shari'ah* akan memberikan implikasi yang baik dalam organisasi kerana:

- » Menjadikan panduan agama sebagai sandaran dalam pembuatan keputusan dan pendekatan dasar organisasi;
- » Dapat menerapkan nilai kebersamaan dalam proses pembuatan keputusan berdasarkan prinsip syura;
- » Menjadikan ilmu *Maqasid al-Shari'ah* sebagai sumber maklumat dalam penyelidikan organisasi untuk mengelakkan penggunaan akal yang bertentangan dengan Islam;
- » Mampu meningkatkan kesedaran terhadap pembangunan jati diri dan sahsiah sesebuah organisasi;
- » Dapat menyumbang dan melaburkan lebih keuntungan untuk penyebaran dan pengukuhan ilmu yang bermanfaat dari aspek pemeliharaan harta.

KERAJAAN

Implikasi Minda *Maqasid* dalam pentadbiran Kerajaan akan memberikan impak positif kepada rakyat dan negara kerana:

- » Dapat menentukan objektif umum dan khusus sesuatu perkara berteraskan hukum syarak;
- » Dapat melaksanakan pentadbiran Kerajaan serta menguatkuasakan undang-undang selari dengan tuntutan syarak selaras dengan semangat yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan;
- » Menggalakkan program pembangunan modal insan untuk memberi kesedaran dalam perkara-perkara yang merosakkan akal dan sahsiah diri;
- » Memperkasakan sistem perundangan dan dasar-dasar negara berdasarkan analisis risiko yang jelas dan keyakinan bahawa manfaat yang diperoleh lebih besar berbanding kemudaratan; dan
- » Berlaku adil dalam pelaksanaan tanggungjawab dengan memenuhi hak diri sendiri dan hak orang lain secara saksama dan mengelakkan sebarang bentuk kezaliman dan diskriminasi.



MODUL UNIT 4

APLIKASI MINDA MAQASID DALAM TADBIR URUS

MODUL UNIT 4: APLIKASI MINDA MAQASID DALAM TADBIR URUS

1. SINOPSIS

Tajuk ini menerangkan tentang aplikasi Minda Maqasid dalam tadbir urus melibatkan penggunaan konsep dan prinsip-prinsip utama dalam Maqasid Syariah sebagai panduan dalam membuat keputusan pentadbiran yang bertanggungjawab dan beretika. Pelbagai contoh aplikasi Minda Maqasid dalam tadbir urus termasuklah penstrukturan dasar awam yang mengutamakan keadilan sosial, peningkatan akses kepada bidang-bidang perkhidmatan kepada semua lapisan masyarakat, berteraskan kepada nilai-nilai murni untuk mencapai kemaslahatan yang memberikan kebaikan kepada semua lapisan masyarakat demi kesejahteraan negara.

Unit ini juga menjelaskan dan membimbing masyarakat untuk memahami dengan lebih mendalam bagaimana untuk membentuk Minda Maqasid dengan menggunakan Metodologi Maqasid. Metodologi Maqasid merupakan pendekatan yang digunakan untuk memahami dan mengaplikasikan prinsip-prinsip Maqasid Syariah dalam pelbagai konteks kehidupan. Ia merangkumi langkah-langkah dan kaedah untuk mengenal pasti, menganalisis, dan mengaplikasikan matlamat-matlamat syariah dalam pembangunan dasar, tadbir urus, dan kehidupan harian.

Dengan menggunakan Metodologi Maqasid, pemimpin, penyelidik, dan pembuat dasar dapat memastikan bahawa setiap tindakan dan keputusan yang diambil sejajar dengan nilai-nilai dan matlamat-matlamat syariah, serta memberi manfaat yang seimbang kepada individu, masyarakat, dan persekitaran.

2. OBJEKTIF

- i. Menjelaskan kepada kumpulan sasaran mengenai konsep dan objektif tadbir urus dari perspektif *Maqasid al-Shari`ah* ;
- ii. Menekankan tentang nilai-nilai dalam tadbir urus yang digarap hasil daripada pembentukan Minda Maqasid;
- iii. Menghuraikan tentang ciri-ciri pemikiran *Maqasid al-Shari`ah* dan implikasi dalam penggubalan dasar dan polisi tadbir urus;
- iv. Mempromosikan aplikasi Metodologi Maqasid dalam pembuatan keputusan demi meraih kemaslahatan dan mengelakkan kemudaratan.

3. HASIL PEMBELAJARAN

Setelah mengikuti tajuk ini, peserta akan dapat:

- i. Memahami matlamat Syariah dengan memperoleh pemahaman yang mendalam tentang prinsip-prinsip *Maqasid al-Syari'ah* dan bagaimana ia berkaitan dengan kehidupan manusia;
- ii. Mengimani nilai-nilai tadbir urus *Maqasid al-Syari'ah* dapat memberi kesan yang positif terhadap pembangunan sosial, ekonomi, dan alam sekitar, serta menyumbang kepada keharmonian dan kestabilan masyarakat hanya dengan pembentukan Minda Maqasid yang mendalam;
- iii. Menerapkan ciri-ciri Minda Maqasid untuk meningkatkan kualiti kehidupan individu dan masyarakat melalui pembangunan dasar dan polisi yang stabil ke arah kesejahteraan negara dan masyarakat;
- iv. Menerapkan Minda Maqasid melalui Metodologi Maqasid melalui dasar dasar awam dan polisi berlandaskan matlamat-matlamat syariah demi mencapai kemaslahatan negara dan rakyat.

4. KANDUNGAN

Unit ini mengandungi enam (6) subunit seperti berikut:



5. KAEDAH PELAKSANAAN

Pelaksanaan Modul Unit 4 ini menggunakan beberapa kaedah, antaranya:

- i. Ceramah interaktif antara dua hala antara penceramah dan peserta;
- ii. Perbincangan dan perkongsian idea daripada peserta;
- iii. Kajian Kes
- iv. Latihan dalam Kumpulan

Masa: 2 jam

MANUAL MODUL UNIT 4

APLIKASI MINDA MAQASID DALAM TADBIR URUS

MANUAL MODUL UNIT 4: APLIKASI MINDA MAQASID DALAM TADBIR URUS

SUBUNIT 4.1 MAQASID AL-SHARI'AH DALAM TADBIR URUS

SUBUNIT 4.1.1: DEFINISI TADBIR URUS

Tadbir urus, menurut *United Nations Development Programme* (UNDP), merujuk kepada sistem nilai, polisi dan institusi di mana Masyarakat menguruskan hal ehwal ekonomi, politik dan sosial melalui interaksi dalam kalangan mereka, dan interaksi antara negara, masyarakat sivil dan sektor swasta. Ia merupakan cara masyarakat mengurus urusan mereka dalam membuat keputusan dan melaksanakannya untuk mencapai persefahaman, persetujuan dan tindakan bersama.

Dalam perbahasan kontemporari, pentadbiran awam telah melalui pelbagai fasa transformasi. Terma tadbir urus pada peringkat awal dikenali sebagai pentadbiran awam (*public administration*) kemudian berubah kepada model pentadbiran awam baharu (*new public administration*). Konsep tersebut kemudiannya berubah kepada tadbir urus (*governance*) dengan mengambil kira model yang digunakan oleh sektor korporat. Tadbir urus turut dikembangkan dengan penerapan nilai dan dikenali sebagai tadbir urus baik (*good governance*) serta tadbir urus efektif (*effective governance*).

SUBUNIT 4.1.2: KONSEP TADBIR URUS DALAM ISLAM

Tadbir urus dalam Islam mengambil maksud tersirat daripada perkataan *yudabbiru al-amr* iaitu 'mentadbir sesuatu'. Al-Quran tidak menyebut secara khusus mengenai pentadbiran. Malah perkataan *yudabbiru* digunakan dalam empat tempat iaitu dalam Surah Yunus, ayat 3 dan 31, Surah al-Ra'd, ayat 2 dan Surah al-Sajadah, ayat 5. Keempat-empat ayat ini menunjukkan kekuasaan Allah yang mentadbir setiap perkara di langit mahupun di bumi. Hal ini memberi gambaran pentadbiran itu adalah dalam kekuasaan Allah. Dialah yang memberikan manusia sebahagian kuasa untuk mentadbir sesuai dengan firman Allah dalam Surah Ali Imran, ayat 26.

"Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan! Engkaulah yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan dari sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah juga yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Engkaulah sahaja adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu."

Ayat ini menjelaskan bahawa kuasa mentadbir adalah milik Allah dan manusia adalah khalifah yang dikurniakan dengan sebahagian kemampuan untuk mentadbir. Maka manusia perlu menyedari bahawa kuasa pentadbiran hendaklah menurut kehendak Allah dengan jalan yang diredai-Nya.

Menurut al-Buraey, *yudabbiru* memberi pelbagai makna iaitu mengarah, memimpin, mengendalikan, mengurus, merancang, mengemudi, mengatur, bertugas dengan baik, berekonomi, membuat perancangan dan perniagaan. Ia menunjukkan maknanya yang menyeluruh tentang pentadbiran. Tadbir urus merangkumi tiga proses utama yang berturutan iaitu penggubalan dasar dan polisi, pelaksanaan dan penilaian. Proses penggubalan dasar dan polisi amat penting bagi menentukan hala tuju pentadbiran negara berdasarkan kehendak syarak. Peringkat kedua iaitu pelaksanaan adalah susulan daripada dasar yang digubal untuk dilaksanakan oleh pihak berwajib. Peringkat ketiga ialah penilaian iaitu peringkat yang penting untuk membuat pembaharuan terhadap dasar dan polisi yang digubal supaya ia terus bersesuaian dengan peredaran zaman dan keperluan masyarakat. Ketiga-tiga peringkat ini akan disentuh dalam perbincangan seterusnya.

SUBUNIT 4.1.3: OBJEKTIF TADBIR URUS

Objektif tadbir urus boleh dipecahkan kepada objektif umum dan objektif khusus. Objektif umum (*maqāṣid al-‘ammah*) pensyariat Islam adalah untuk memelihara kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat.

Objektif umum ini boleh diperhalusi dengan lebih mendalam iaitu melalui penetapan objektif khusus (*maqāṣid al-khāṣṣah*) dalam bidang tadbir urus. Prof. Jasser Auda mempelopori Metodologi Maqasid untuk menentukan objektif khusus. Metodologi ini mengandungi lima turutan kaedah iaitu:

- i. penetapan tujuan;
- ii. kitaran refleksi nas al-Quran dan Hadith;
- iii. membina kerangka Maqasid;
- iv. kajian kritikal terhadap literatur dan realiti; dan
- v. membina teori dan prinsip formatif.

Dalam kitaran refleksi nas al-Quran dan hadith, terdapat tujuh elemen yang perlu diteliti iaitu:

- i. Konsep (مفاهيم): Elemen konsep daripada Al-Quran dan Hadith adalah berdasarkan nama Allah dan sifat-sifat-Nya, iaitu tema yang paling utama dan pertama dalam keseluruhan kitaran refleksi.

- ii. Tujuan (مقاصد): konsep berkait rapat dengan tujuan. Tiada sesuatu pun yang diciptakan Allah sia-sia. Maka tujuan adalah elemen kedua dalam jaringan makna (*web of meanings*) yang berkait dengan elemen konsep.
- iii. Nilai (قيام): Nama-nama Allah dan sifat-sifat-Nya menunjukkan elemen nilai yang meliputi keseluruhan nilai murni yang baik. Elemen nilai menjadi elemen ketiga dalam jaringan makna (*web of meanings*) yang berkait dengan elemen konsep dan tujuan.
- iv. Perintah Allah (أوامر): Al-Quran dan Hadith adalah dua rujukan yang sarat dengan perintah suruhan dan larangan Allah SWT. Ia menjadi elemen keempat dalam jaringan makna (*web of meanings*) yang berkait dengan elemen konsep, tujuan dan nilai.
- v. Ketetapan Allah (سنن): Sunnatullah atau ketetapan Allah adalah sesuatu yang tidak dapat diubah dan tiada gantinya. Ia dijelaskan dalam al-Quran dan memerlukan penelitian. Oleh sebab itu, ketetapan Allah menjadi elemen kelima dalam jaringan makna (*web of meanings*) yang berkait dengan elemen konsep, tujuan, nilai dan perintah.
- vi. Kelompok (فئة): Terdapat keterangan yang jelas tentang kelompok manusia dalam al-Quran dan Hadith seperti orang mukmin, orang kafir, ulama yang takut kepada Allah dan sebagainya. Kelompok adalah elemen keenam dalam jaringan makna (*web of meanings*) yang berkait dengan elemen konsep, tujuan, nilai, perintah dan ketetapan Allah.
- vii. Hujah (حجة): Hujah merujuk kepada tanda-tanda kekuasaan Allah. Perkara ini melengkapkan jaringan makna sebagai elemen ketujuh yang berkait dengan konsep, tujuan, nilai, perintah, ketetapan Allah dan kelompok.

Penelitian terhadap tujuh elemen ini akan membantu kita mengenal pasti objektif *al-Shāri'* dengan lebih tepat dan menyeluruh.

SUBUNIT 4.2: NILAI DALAM TADBIR URUS BERTERASKAN MAQASID AL-SHARI'AH

Perbezaan tadbir urus berteraskan *Maqasid al-Shari'ah* terletak kepada elemen nilai yang didasari oleh sumber rujukan yang *thabit* iaitu al-Quran dan Sunnah. Asas ini menyebabkan ia utuh dan tidak boleh dimanipulasi demi kepentingan individu. M.A. Niaz menakrifkan pentadbiran sebagai satu model yang berorientasikan nilai bertujuan untuk memaksimumkan nilai keislaman dan standard etika. Penekanan tentang nilai amat penting kerana nilai etika dan syariat adalah dua perkara yang tidak dapat dipisahkan. Dengan nilai yang baik, ia akan membawa manusia mencapai *Maqasid al-Shari'ah* atau objektif pensyariaan sebenar. Nilai utama dalam tadbir

urus meliputi rahmat dan ihsan, adil dan saksama, amanah dan bertanggungjawab, serta telus dan terbuka.

i. Rahmah dan ihsan

Sifat Allah SWT yang Maha Mengasihani (*al-Rahim*) meresap dalam semua aspek kehidupan, apatah lagi dalam mengurus kepentingan dan kebajikan rakyat. Seajar dengan objektif syariat untuk memastikan kemaslahatan manusia dapat dipelihara, maka sifat ini sangat perlu diutamakan mengatasi sifat-sifat yang lain. Begitu juga dengan sifat ihsan yang berulang kali ditekankan dalam al-Quran. Sebagai contoh, dalam hukuman qisas, wujud elemen keadilan dalam hukum balas. Tetapi di penghujung ayat 178, Surah al-Baqarah dinyatakan sifat ihsan dalam menuntut keadilan.

Oleh yang demikian, sifat rahmah dan ihsan seharusnya menjadi sifat utama penjawat awam dalam melaksanakan tadbir urus baik. Sifat ihsan bukan sahaja meliputi makna belas kasihan, malah melangkaui maksud itu, ia menjadi penentu kejayaan hakiki. Ini kerana sifat ihsan bermaksud melakukan kebaikan dan menghindarkan keburukan dengan penuh keikhlasan kerana Allah SWT. Ia membentuk sifat manusia yang luhur dengan mengabaikan kepentingan diri semata-mata dalam melaksanakan sebarang tugas dan tanggungjawab.

Rasulullah SAW pernah mengingatkan Abu Musa dan Muaz ketika kedua-duanya dihantar sebagai gabenor Yaman, "Permudahkan dan jangan disulitkan, sampaikan berita gembira dan jangan sebabkan mereka menjauh." (Hadith diriwayatkan oleh al-Bukhari, no. 4341).

ii. Adil dan saksama

Adil (*`adl*) dan saksama (*qist*) adalah dua perkara yang ditekankan dalam Islam. Allah SWT menegaskan bahawa:

"dan apabila kamu menjalankan hukum antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil." (al-Nisa', 58)

"Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan." (al-Maidah, 8)

Adil bermaksud meletakkan sesuatu kena pada tempatnya atau memberikan kepada yang berhak akan haknya mengikut kadar masing-masing. Saksama pula merujuk kepada tindakan yang tidak berat sebelah dan munasabah. Melalui keadilan, rakyat mendapat haknya dan kezaliman dapat dihindarkan.

Surah al-Nisa', ayat 135 menggariskan beberapa prinsip keadilan iaitu berlaku adil ke atas diri sendiri, ibu bapa atau kaum kerabat, adil ke atas golongan kaya atau miskin dan tidak mengikut hawa nafsu dengan memutarbelitkan kebenaran. Hal ini jelas untuk dipraktikkan terutama sekali sebagai penjawat awam.

Oleh yang demikian, kerajaan mestilah menyamakan taraf kedudukan sesama manusia dalam bermuamalah, menyerahkan tugas kepada seseorang menurut kelayakan, dan tidak melebihi satu kelompok tanpa pertimbangan yang adil. Tindakan adil tidak membezakan antara rakyat beragama Islam dengan yang sebaliknya. Malah penyelesaian perselisihan juga perlu dibuat apabila ia berlaku dalam kalangan rakyat mahupun musuh seperti yang diperintahkan Allah dalam Surah al-Maidah, ayat 8.

iii. Amanah dan akauntabiliti

Amanah berkait rapat dengan adil. Keadilan berlaku apabila seseorang itu amanah dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Ayat ke-58 dalam Surah al-Nisa' menjelaskan kedua-dua sifat ini dalam satu ayat yang menunjukkan hubung kaitnya yang kuat. Ayat ini memerintahkan agar amanah diserahkan kepada orang yang berhak.

Amanah adalah suatu penghormatan ke atas kebijaksanaan dan keseluruhan kemampuan yang dikurniakan kepada manusia berbanding ciptaan Allah SWT yang lain seperti mana yang tercatat dalam Surah al-Ahzab, ayat 72. Manusia mampu memikul amanah dengan baik, tetapi dalam masa yang sama, manusia suka berbuat kezaliman dan perkara yang tidak patut dikerjakan. Oleh itu, manusia perlu berhati-hati dalam memikul amanah dan sentiasa mengambil ingatan terhadap firman Allah dalam Surah al-Anfal, ayat 27 yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan RasulNya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya)."

Amanah sering disusuli dengan akauntabiliti iaitu kebertanggungjawaban seseorang individu atau organisasi yang dipilih atau dilantik dalam melaksanakan sesuatu tindakan khusus, kegiatan atau membuat keputusan untuk masyarakat awam yang menyerahkan kuasa kepada

individu atau organisasi tersebut. Akauntabiliti terletak di atas setiap insan, sama ada seorang individu, pemimpin keluarga, pemimpin masyarakat, hatta sebagai pemimpin negara.

Seseorang pemimpin itu bertanggungjawab dalam dua tempat, iaitu ketika di dunia dan juga di akhirat. Akauntabiliti dalam urus tadbir menurut al-Qur'an bukan hanya ketika hidup di dunia, bahkan seseorang pemimpin itu tidak akan terlepas daripada penghakiman Allah SWT di akhirat kelak.

Sebagai dasar akauntabiliti, Allah SWT mengharamkan perbuatan khianat sebagaimana firman-Nya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْنَكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٧﴾

"Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan rasul-Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya)." (Al-'Anfal, 27).

Ayat ini memberi peringatan kepada setiap orang beriman, pemimpin dan rakyat agar tidak melanggar amanah yang telah diberikan oleh Allah SWT dan Rasul serta amanah sesama manusia. Seseorang personel, sama ada pemimpin atau yang dipimpin, bertanggungjawab melaksanakan amanah Allah SWT dan Rasul dengan melaksanakan syariat Islam dalam pemerintahannya. Personel yang tidak melaksanakan undang-undang berteraskan al-Qur'an dan Sunnah Nabi Muhammad SAW adalah personel yang mengkhianati amanahnya kepada Allah dan Rasul-Nya. Personel itu juga telah mengkhianati amanah yang telah diberikan kepadanya.

iv. Ketelusan dan keterbukaan

Ketelusan dalam tadbir urus merujuk kepada sistem pengurusan terbuka dan memberi ruang dan peluang kepada masyarakat mengetahui maklumat tepat yang sepatutnya mereka ketahui iaitu berkaitan kepentingan kebajikan mereka. Maklumat tersebut tidak termasuk perkara yang boleh mendatangkan bahaya terhadap keselamatan negara. Ia terlaksana melalui sifat bertanggungjawab kerajaan, menyediakan ruang bagi penyertaan awam dalam menggubal dasar kerajaan dan pelaksanaannya, serta membenarkan bantahan dilakukan oleh masyarakat awam dalam perkara yang boleh memberikan kesan negatif terhadap kehidupan mereka.

Al-Qur'an menjelaskan bahawa integriti perlu wujud dalam urus tadbir, khususnya yang berkaitan dengan pengurusan harta dan aset. Dasar umum yang digariskan oleh al-Qur'an ialah, setiap orang yang hendak mendapatkan sesuatu harta, mestilah dengan cara yang diizinkan oleh syarak.

SUBUNIT 4.3: MINDA MAQASID DALAM PENGGUBALAN DASAR DAN POLISI

Konsep umum *Maqasid al-Shari'ah* merangkumi tiga aspek iaitu *ta'lil* (menyingkap hikmah dan objektif), *istislah* (ketetapan berdasarkan kemaslahatan) dan *ma'alat al-af'al* (penilaian implikasi). Ketiga-tiga aspek ini perlu diambil kira dalam penggubalan dasar dan polisi. Tujuannya adalah untuk memastikan:

- i. objektif penggubalan dasar selari dengan objektif syarak;
- ii. kemaslahatan kumpulan sasaran dasar dan polisi yang digubal sentiasa diberi perhatian bersandarkan lunas-lunas syarak; dan
- iii. kemampunan dasar dan polisi yang digubal dengan mengenal pasti implikasinya.

SUBUNIT 4.3.1: CIRI PEMIKIRAN

Dalam mengaplikasikan bentuk pemikiran Maqasid, seseorang itu perlu menyingkap `illah, memastikan *maslahah* dan mengenal pasti kesan atau risiko setiap ketetapan dasar.

Selain itu, terdapat tiga aspek utama dalam logik pemikiran berlandaskan *Maqāṣid al-Sharī'ah*, iaitu:

- i. **Berorientasikan masa depan** – merancang visi dan pelan untuk merealisasikan pada masa hadapan.
- ii. **Kritis** – berani untuk mengkritik sebarang kekurangan yang berlaku dalam realiti kehidupan hari ini.
- iii. **Menyeluruh** – perlu mencari penyelesaian yang bersifat menyeluruh terhadap sesuatu permasalahan.

Penggubalan dasar perlu menjawab persoalan 'mengapa' dan 'bagaimana' agar ia tetap relevan pada masa akan datang.

SUBUNIT 4.3.2: PENETAPAN MASLAHAH

Penetapan *maslahah* perlu dilaksanakan seawal peringkat penggubalan dasar dan polisi. *Maslahah* perlu ditentukan berdasarkan parameter berikut untuk mengelakkan daripada berlakunya penetapan *maslahah* yang tidak berasaskan syariat.

- i. *Maslahah* tidak berlawanan dengan dalil yang *qat'i* dari al-Quran, Sunnah atau *ijma'*.
- ii. *Maslahah* yang selari dengan objektif syarak iaitu tiada konflik dengan asas prinsip dasar dan dalil hukum syarak.
- iii. *Maslahah* tidak berlawanan dengan *maslahah* yang lebih penting.
- iv. *Maslahah* yang jika diaplikasikan tidak menyebabkan akan berlakunya mafsadah yang lebih besar atau menyamainya.

- v. *Maslahah* hanya melibatkan urusan adat dan muamalat yang boleh berlaku perubahan pada hukumnya mengikut kesesuaian, bukan melibatkan urusan yang hukumnya kekal dan tidak boleh berubah seperti sesuatu yang diwajibkan, diharamkan atau hukuman hudud. Dengan kata lain *maslahah* itu hanya melibatkan urusan yang boleh berlaku ijtihad padanya sahaja.
- vi. *Maslahah* yang diyakini boleh mendatangkan manfaat kepada masyarakat, bukan *maslahah* yang kabur.
- vii. *Maslahah* untuk masyarakat umum, bukan hanya untuk individu tertentu sahaja.
- viii. *Maslahah* yang dibina berdasarkan neraca syarak, bukan bersumberkan hawa nafsu atau logik akal semata-mata.

SUBUNIT 4.3.3: ELEMEN UTAMA DALAM PENGGUBALAN DASAR

Al-Quran menetapkan kepentingan memahami konteks dari sudut pandang yang tepat dan luas. Pemahaman ini penting dalam penggubalan dasar untuk memastikan sesuatu dasar yang digubal atau ditambah baik bersifat mampan, holistik dan praktikal. Elemen-elemen dalam penggubalan dasar perlu didasari dengan makna yang betul, menolak definisi yang salah, dan mengambil fahaman yang tepat berasaskan al-Quran dan Sunnah. Pembezaan antara yang betul dan yang salah adalah berasaskan prinsip *furqān* yang terdapat dalam Surah al-Anfal, ayat 29 yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu bertakwa kepada Allah, nescaya Ia mengadakan bagi kamu (petunjuk) yang membezakan antara yang benar dengan yang salah, dan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu, serta mengampunkan (dosa-dosa) kamu. Dan Allah (sememangnya) mempunyai limpah kurnia yang besar."

Elemen-elemen utama yang memerlukan penafsiran yang betul berasaskan prinsip *furqān* dalam proses penggubalan dasar menurut kerangka *Maqāṣid al-Sharī'ah* adalah seperti berikut:

i. Sebab vs matlamat (*causes vs purposes*)

Berbanding menggubal sesuatu dasar yang bersifat menangani sesuatu permasalahan yang sedang berlaku semata-mata, aspek tujuan yang lebih bersifat penyelesaian secara meluas dan mengambil kira implikasi jangka masa panjang perlu diambil kira. Sudah tentu kita perlu mengambil tindakan untuk menangani isu semasa. Tetapi dalam masa yang sama, kita perlu menguruskan matlamat yang ingin dicapai. Menguruskan 'punca' semata-mata akan menyebabkan kita berada dalam masa lampau, tetapi mengurus matlamat membawa kita ke masa hadapan.

ii. Matlamat jangka pendek vs matlamat jangka panjang (*temporary goals vs long-term goals*)

Sesebuah dasar yang digubal perlu mengambil kira aspek perancangan bagi merealisasikan matlamat jangka masa panjang dan tidak boleh terhad semata-mata kepada matlamat yang bersifat sementara. Polisi yang memfokuskan kepada tempoh jangka pendek semata-mata akan mengorbankan generasi akan datang. Seharusnya imbalan antara kedua-dua tempoh dilaksanakan dengan mengambil kira tempoh jangka pendek dalam perancangan jangka panjang.

iii. Generasi kini vs generasi akan datang (*current generation vs future generation*)

Tujuan sesebuah dasar itu digubal perlu melihat jauh ke hadapan dengan turut mengambil kira *masalah* dan kepentingan generasi akan datang. Para Sahabat meminta Saidina Umar RA membuat pembahagian tanah sepertimana yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW. Namun Umar mengambil keputusan untuk tidak melaksanakannya berdasarkan firman Allah dalam surah al-Hashr, ayat 10 yang menyebut tentang generasi akan datang. Dengan mengambil kira bahawa tindakan Rasulullah yang membuat pembahagian tanah itu bukan *qaṣḍu tashrī'* tetapi *qaṣḍu siyāsah*, beliau tidak membuat pembahagian tanah, sebaliknya mengenakan bayaran *kharaj* demi memelihara kemaslahatan generasi selepasnya.

iv. Konsep Buatan Manusia vs Konsep Berteraskan Al-Quran (*human made concept vs Quran-defined concept*)

Dalam membuat sesuatu dasar yang selari dengan ajaran Islam, kita perlu berhati-hati agar tidak terpedaya dengan sesebuah konsep yang hanya merupakan hasil ciptaan manusia semata-mata, sedangkan sekiranya dilihat dari neraca al-Quran ternyata konsep tersebut sama sekali tidak dapat diterima. Sebagai contohnya, konsep LGBT yang semakin mendapat tempat di Barat pada hari ini sekiranya ditimbang menurut neraca al-Quran ternyata semuanya tergolong dalam konsep "*fāhishah*" yang tercela dan dilarang.

v. Pengkategorian oleh manusia vs pengkategorian berdasarkan al-Quran (*Human-defined categories vs Quran-defined categories*)

Dalam menetapkan sesuatu kategori dalam proses penggubalan dasar, pengkategorian menurut neraca al-Quran perlulah didahulukan berbanding pengkelasan menurut pandangan manusia semata-mata. Sebagai contohnya, pengkategorian "*terrorist*" (pengganas) yang terpakai di Barat pada hari ini ternyata salah dan bersifat pukul rata dengan turut meliputi kategori pejuang

kebebasan dan mujahid yang berada di pihak yang benar menurut perspektif Islam. Oleh yang demikian, dalam menggubal sebarang polisi, kita perlu menetapkan kriteria agar kategori yang mempunyai kriteria baik dapat diberi sokongan dan kategori yang mempunyai kriteria tidak baik perlu dibanteras untuk melaksanakan tadbir urus baik atau *al-ḥukm al-rashīd*.

vi. Sejarah ciptaan manusia vs sejarah yang benar (*Forged history vs true history*)

Ajaran Islam datang untuk membawa versi sejarah yang sebenar. Al-Quran telah mendidik kita kepentingan memperbetulkan sejarah yang dipesongkan seperti mengenai kenabian Isa AS. Fakta yang benar perlu diberikan dan manusia tidak boleh dibiarkan dengan fakta yang salah. Pemesongan fakta ini dapat diperhatikan dalam pendekatan Barat yang sering dilihat cuba untuk memadamkan versi sejarah yang sebenar dan memaksakan versi sejarah ciptaan mereka bagi menunjukkan keunggulan peradaban mereka.

vii. Wacana populis vs kepimpinan substantif (*Populist discourse vs substantial leadership*)

Pendekatan sesebuah polisi yang bersifat populis semata-mata ternyata tidak memadai dan tidak berkesan dalam menangani sesebuah permasalahan. Sebagai contoh ayat 7 Surah al-Anfal merekodkan pilihan yang mereka ada sama ada untuk menentang sebelum berlakunya peperangan Badar. Para Sahabat menghendaki kaedah yang tidak melibatkan peperangan, tetapi Allah SWT menetapkan peperangan ke atas mereka, maka Rasulullah membuat keputusan yang substantif, iaitu berlawanan dengan kehendak ramai demi mencapai kebaikan yang lebih besar. Justeru, kepimpinan yang substantif dan pembuat dasar perlu berani untuk menongkah arus dan menghadapi tekanan bagi mengambil tindakan yang lebih berkesan walau dilihat tidak popular oleh orang ramai.

viii. Individu atau kumpulan khusus vs kepentingan awam (*Special individuals/ groups vs public interest*)

Menyantuni individu adalah penting berdasarkan salah satu firman Allah SWT iaitu dalam Surah Abasa, ayat 1 hingga 3 ketika Rasulullah SAW sedang bercakap dengan seorang Qurasyh yang dianggap penting. Pada masa yang sama Abdullah Ibn Maktoum, seorang buta sedang menghampiri Baginda tetapi Baginda tidak melayaninya kerana memikirkan perbincangannya lebih penting pada ketika itu. Walau bagaimanapun, fokus bagi sesebuah dasar yang dikemukakan perlulah bertujuan untuk memelihara *maslahah* dan kepentingan awam, dan bukannya hanya bertujuan bagi menjaga kepentingan mana-mana individu atau pihak tertentu semata-mata.

ix. Prinsip yang berubah vs prinsip yang tetap (*Changeable vs fixed principle*)

Dalam menggubal sesebuah dasar, seseorang pemimpin perlu pandai dalam menyeimbangkan antara prinsip-prinsip yang bersifat tetap dan tidak boleh dikompromi dengan prinsip yang lebih bersifat anjal dan boleh berubah. Hal ini bagi memastikan sesuatu polisi yang digubal tersebut bersifat realistik dan mampu untuk dilaksanakan, dalam masa yang sama tidak mengorbankan prinsip-prinsip teras.

x. Pendedahan maklumat umum vs maklumat terperingkat (*Publicize vs classified information*)

Pembuat dasar perlu bijak menetapkan limitasi had dalam mengisytiharkan sesuatu maklumat negara. Ketelusan adalah sesuatu yang baik dengan menguar-uarkan keputusan Kerajaan terutamanya dalam hal kewangan. Ia akan memastikan '*check and balance*' berlangsung. Walaupun secara umumnya prinsip ketelusan dan transparensi dilihat amat baik, namun terdapat batasan yang perlu dijaga, terutamanya apabila melibatkan maklumat sulit dan sensitif yang perlu dijadikan rahsia negara. Perkara ini melibatkan pengkelasan yang mana ia perlu dilaksanakan dengan sifat taqwa berdasarkan kepada ayat 29, surah al-Anfal yang bermaksud, "...*Jika kamu bertaqwa kepada Allah, nescaya Ia mengadakan bagi kamu (petunjuk) yang membezakan antara yang benar dengan yang salah...*" Ini kerana ia akan menjadi benteng supaya tindakan yang dilakukan adalah untuk kebaikan awam secara umumnya.

xi. Pemulihan dalaman vs cabaran luaran (*Internal housekeeping vs external fronts*)

Pemimpin perlu mengutamakan isu-isu yang bersifat dalaman untuk diperbaiki dan diperkasa bermula daripada pasukan sendiri, seterusnya ke bahagian lain dan akhirnya isu luaran. Sememangnya isu luaran tidak boleh diabaikan. Namun keseimbangan antara keduanya adalah sangat penting supaya kekuatan dalaman dapat dibina untuk berhadapan dengan isu luaran. Pendekatan Umar Abdul Aziz amat bersesuaian untuk dicontohi apabila beliau menghentikan semua peperangan demi untuk meneliti kembali isu dalaman untuk diperbaiki.

xii. Negara bangsa vs Umat (*Nation vs ummah*)

Negara bangsa dan ummah adalah dua perkataan yang berbeza dari segi maksudnya meskipun ramai yang menterjemahkannya sebagai perkataan yang sama. Bangsa seperti mana yang disebut dalam ayat 13 Surah al-Hujurat merujuk kepada satu kelompok kaum. Manakala

ummah merujuk kepada umat Nabi Muhammad SAW merentasi negara dan bangsa. Pemimpin perlu turut mengambil kira kepentingan umat Islam yang bersifat global dan tidak seharusnya terkurung dalam ruang lingkup kepentingan negara bangsa yang sempit.

xiii. Kepimpinan tradisional vs generasi baru (*Traditional leadership vs new blood*)

Sebahagian pemimpin tidak meyakini generasi muda untuk memimpin. Sedangkan tugas pemimpin adalah untuk menyiapkan generasi muda mewarisi tampuk kepemimpinan serta perlu mempercayai generasi muda ini untuk mengambil alih kepemimpinan daripada mereka. Sebagai contoh Ali bin Abi Talib berumur 12 tahun semasa diberikan tanggungjawab memimpin ketenteraan. Begitu juga dengan Umar bin al-Khattab berumur 24 tahun dan Usama bin Zaid berumur 18 tahun. Generasi muda perlu diberikan sebanyak mungkin tanggungjawab untuk melatih mereka memimpin daripada membiarkan mereka menjadi mangsa media sosial. Kemampuan mereka perlu digilap dan diperkasa supaya mereka dapat mewarisi negara yang lebih baik daripada sebelumnya.

xiv. Kebergantungan pada diri sendiri vs memohon bantuan dari pihak lain (*Relying on self vs seeking help from others*)

Pemimpin tidak boleh bersikap ego dan malu untuk meminta bantuan dan pertolongan daripada orang lain. Rasulullah SAW turut meminta bantuan daripada orang bukan Islam dalam urusan tertentu. Walau bagaimanapun, permohonan pertolongan dari pihak luar perlu dilaksanakan dengan berhati-hati tanpa menggadaikan Islam dan maruah umat Nabi Muhammad SAW. Kita tidak boleh menjual darah dan maruah serta kepentingan umat Islam ketika mendapatkan bantuan pihak luar.

SUBUNIT 4.3.4: PERANCANGAN STRATEGIK

Perancangan amat penting dalam tadbir urus. Malah perancangan itu haruslah bersifat strategik. *Maslahah* iaitu usaha meraih kebaikan, menghindar keburukan dan menggugurkan kerosakan perlu diterapkan dalam perancangan strategik. Al-Quran secara tidak langsung menggariskan keperluan merancang seperti dalam Surah al-Baqarah, ayat 197 yang menyuruh agar manusia menambah bekal amalan baik secukupnya. Begitu juga dengan hadith Rasulullah SAW untuk merebut lima perkara iaitu kaya, lapang, muda, sihat dan hidup sebelum berhadapan dengan fakir, sakit, kesempitan waktu, tua dan mati. Dua nas ini antara pelbagai nas lain yang menyuruh agar manusia membuat perancangan.

Penentuan Objektif Polisi

Langkah pertama dalam membuat perancangan adalah dengan menentukan tujuan yang betul. Setiap perkara hendaklah dimulakan dengan niat sesuai dengan hadith Nabi SAW:

«إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّةِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى»

Maksudnya: Sesungguhnya setiap perbuatan berdasarkan niat; dan sesungguhnya setiap orang mengikut apa yang diniat. (Hadith diriwayatkan oleh al-Bukhari, no. hadith 6689).

Niat individu merupakan suatu kewajiban sebelum melaksanakan sesuatu tindakan. Ia juga menentukan tujuan pelaksanaannya. Dalam konteks penggubalan dasar, penetapan niat merujuk kepada penentuan objektif polisi yang perlu menjadi peringkat pertama penggubalannya. Dengan mengambil kira prinsip umum *Maqasid al-Shari'ah* iaitu *ta'lil*, *istiṣlah* dan *ma'alat al-af'al*, penentuan objektif polisi hendaklah:

- Sejajar dengan objektif khusus (*maqāṣid al-khāṣṣah*) seperti yang diterangkan sebelum ini bagi memastikan *Maqasid al-Shari'ah* dapat diterjemah dalam bentuk tindakan; dan
- Berdasarkan analisis terhadap hasil perancangan masa lampau dan keperluan masa kini agar keputusan dan tindakan perancangan masa hadapan dibuat dengan lebih teliti.

Dengan penetapan objektif polisi, keseluruhan mekanisme untuk menggerakkannya adalah disebut sebagai wasilah. Perbezaan antara objektif dan wasilah hendaklah dikenal pasti dengan sebaik mungkin. Ini kerana terdapat perbezaan antara keduanya seperti berikut:

	OBJEKTIF	WASILAH
Konteks	Perkara yang hendak dicapai.	Mekanisme untuk mencapai objektif.
Ciri-ciri	Bersifat kekal dan tidak berubah	Bersifat anjal dan boleh berubah.
Sumber	Berteraskan al-Quran dan Sunnah	Berdasarkan kepada perancangan strategik tanpa mengabaikan hukum-hakam Syariah.
Contoh	Memelihara kemaslahatan penduduk dengan mengimbangi keperluan rohani, jasmani dan material.	Program-program pemberdayaan masyarakat untuk meningkatkan kemaslahatan.


Langkah Seterusnya dalam Perancangan Strategik

Setelah mengenal pasti objektif polisi, perancangan strategik perlu disusun dengan melaksanakan perkara-perkara seperti berikut:

Pembentukan
atau penyemakan
semula pernyataan
visi dan misi;

Penganalisaan
kehendak
pelanggan dan
pemegang taruh;

Penggubalan
indeks
keberhasilan dan
pelan tindakan; dan



Penganalisaan
trend persekitaran
dalaman dan luaran;

Pengenalpastian
isu-isu strategik;

Penyediaan
dokumen pelan
strategik.

SUBUNIT 4.4: MINDA MAQASID DALAM PELAKSANAAN DASAR DAN POLISI

Dalam melaksanakan sebarang dasar yang sedia dibangunkan, terdapat beberapa aspek yang perlu menjadi keutamaan pelaksanaannya, iaitu pembuatan keputusan dan pertimbangan berasaskan maslahat. Perinciannya adalah seperti berikut:

SUBUNIT 4.4.1: SYURA DALAM PEMBUATAN KEPUTUSAN

Syura merupakan prinsip dan juga kaedah dalam pembuatan keputusan. Syura merupakan perintah Allah SWT kepada Rasul-Nya dan terpakai bagi kita semua dalam segenap ruang lingkup kehidupan dalam membuat sesuatu keputusan. Lebih penting lagi untuk diaplikasikan dalam tadbir urus kepentingan awam.

Syura dalam sains politik Islam merujuk kepada "Mengetahui pendapat umum atau wakilnya, berkaitan isu yang menyentuh kepentingan umum atau kelompok tertentu, dengan syarat tidak berlawanan dengan nas syarak yang bersifat *qat'i*; sama ada *qat'i thubut* atau *qat'i dilalah* dan juga tidak berlawanan dengan isu yang sudah disepakati (*ijma'*).

Allah SWT mengarahkan kepada Nabi Muhammad sebagai Ketua Negara Islam Madinah agar bermesyuarat dalam membuat sesuatu keputusan. Seperti firman Allah SWT:

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾

Maksudnya: Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu) dan pohonkanlah ampun bagi mereka dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakallah kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadaNya. (al-Imran,159)



SUBUNIT 4.4.2: KAEDAH MAQASID DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN

i. Keadilan sebagai asas

المقصود من إرسال الرسل وإنزال الكتب أن يقوم الناس بالقسط

Maksudnya: Objektif utusan para Rasul dan penurunan kitab-kitab adalah untuk menegakkan keadilan.

Huraian: Keadilan dan kesaksamaan adalah tuntutan agama. Ia bukan sahaja dalam aspek perundangan, tetapi juga meliputi hubungan dengan Tuhan, hubungan sesama manusia dan hubungan dengan alam. Jika keadilan gagal dilaksanakan, maka akan timbullah kezaliman yang hanya akan menggugat kemaslahatan. Oleh sebab itu, keadilan perlu menjadi asas sesuatu keputusan agar objektif pensyariaan dapat dicapai.

Contoh: Sebarang bentuk fasiliti yang disediakan oleh Kerajaan hendaklah diberikan kepada semua rakyat tanpa mengira perbezaan warna kulit dan agama. Semua rakyat berhak mendapat manfaat yang selayaknya kerana Islam tidak pernah menindas mana-mana kaum atau penganut agama lain.

ii. Pentadbiran *maslahi*

تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة

Maksudnya: Polisi dan tindakan pemerintah mestilah tertakluk kepada kemaslahatan terhadap rakyat.

Huraian: Setiap penetapan dasar dan polisi perlu mengambil kira kepentingan *maslahah* dalam konteks yang luas. Pengurusan sesebuah negara sangat kompleks dan rencam. Oleh itu, kepentingan *maslahah* awam perlu diperhalusi dengan baik dan pertimbangan yang lebih teliti perlu dibuat. Bagi menentukan *maslahah* yang terbaik, ia hendaklah berdasarkan parameter yang telah ditetapkan.

Contoh: Harta awam hendaklah diuruskan demi kepentingan awam keseluruhannya dan bukan untuk kepentingan sesetengah pihak sahaja. Jika berlaku ketirisan, amalan kleptokrasi atau kecuaiian yang melampau, ia adalah tindakan yang batil dan tiada legitimasi pada polisi tersebut.

iii. Kepentingan umum diutamakan berbanding kepentingan khusus

اعتناء الشرع بالمصالح العامة أوفر من اعتناؤه بالمصالح الخاصة

Maksudnya: Syarak memberi perhatian terhadap masalah awam mengatasi perhatiannya kepada masalah khusus.

Huraian: *Maslahah* awam ialah perkara yang memberi manfaat kepada masyarakat umum keseluruhannya atau majoriti masyarakat. *Maslahah* khusus pula merujuk kepada kepentingan sebahagian atau sekelompok masyarakat. Pemerintah wajib memastikan kepentingan semua kelompok masyarakat dapat dipelihara, seperti kelompok orang asli, orang kurang upaya, warga emas dan sebagainya. Namun, jika berlaku pertembungan antara kemaslahatan awam dengan kemaslahatan khusus, maka kemaslahatan awam perlu diutamakan.

Contoh: Akibat cuaca panas yang berpanjangan, kerajaan menetapkan agar para pelajar sekolah diberikan cuti umum demi menjaga kesihatan semua, walaupun pelajar tingkatan lima sedang menduduki peperiksaan awam.

iv. Jawatan berdasarkan kelayakan

يقدم في كل ولاية أرف الناس بمصالحها وأقومهم بجلبها

Maksudnya: Bagi setiap peringkat autoriti, diutamakan orang yang lebih mengetahui tentang kemaslahatannya dan yang paling mampu menjayakannya.

Huraian: Dua kriteria utama untuk memilih dan melantik seseorang bagi sesuatu jawatan iaitu, pertama, mempunyai pengetahuan tentang perkara yang mahu direalisasikan menerusi jawatan itu; dan kedua, mempunyai kemampuan untuk merealisasikan objektif dan misi di sebalik pelantikan jawatan tersebut. Perkataan 'paling' menunjukkan perlunya ada kaedah pemilihan untuk menentukan orang yang terbaik untuk dilantik bagi sesuatu jawatan.

Contoh: Dalam pengurusan pentadbiran organisasi, pelantikan bagi jawatan tertinggi hendaklah dipilih dalam kalangan mereka yang mempunyai kemahiran mentadbir, pengetahuan luas berkaitan dasar dan polisi sedia ada dan sifat kepimpinan yang tinggi. Pelantikan tidak boleh dibuat untuk membalas budi atau faktor-faktor luaran yang lain.

v. *Sadd al-zari'ah*

سد الذريعة

Maksud: Menghalang sesuatu jalan (yang boleh membawa kepada keburukan).

Huraian: Kaedah ini adalah kaedah dalam prinsip *usul al-fiqh* untuk penetapan hukum dari perspektif syarak. Ia merujuk kepada prinsip yang menghalang sesuatu yang asalnya diharuskan kerana ia boleh membawa kepada perkara yang diharamkan. Dalam konteks *Maqasid al-Shari'ah*, sesuatu perkara itu pada asalnya tidak membawa keburukan, tetapi manipulasi terhadapnya boleh membawa keburukan, maka ia perlu disekat. Penentuan sesuatu perkara itu boleh membawa kepada keburukan bergantung kepada beberapa aspek ukuran, seperti:

- i. Niat pelaku. Jika didapati bukti yang kukuh yang menunjukkan niat yang buruk, perkara yang ingin dilakukan itu hendaklah dihalang.
- ii. Kadar kerosakan yang boleh timbul daripada sesuatu tindakan. Jika kadar kerosakan sangat tinggi dijangka berlaku atas sesuatu tindakan, makai a hendaklah dihalang.
- iii. Kadar keperluan manusia terhadap perkara yang dilarang. Jika manusia sangat memerlukan sesuatu perkara yang dijangka boleh mendatangkan keburukan, maka ia tidak boleh dihalang, melainkan kadar keperluan terhadap perkara itu rendah dan/atau terdapat alternatif lain bagi menggantikannya.
- iv. Kebarangkalian berlaku kerosakan. Jika kebarangkalian berlaku kerosakan adalah tinggi dan kerap, maka ia hendaklah disekat daripada terus berlaku.

Contoh: Pemberian hadiah adalah sesuatu yang digalakkan dalam Islam. Namun pemberian hadiah kepada mana-mana pihak yang boleh membawa kepada rasuah hendaklah dilarang seperti dengan wujudnya polisi tanpa hadiah.

vi. Halang sejak awal sebelum parah

منع المبادئ أهون من قطع التماذي

Maksudnya: Menghalang sesuatu masalah berlaku lebih mudah daripada menangani sesuatu yang telah berterusan diamalkan.

Huraian: Kaedah ini berkait rapat dengan kaedah *sadd al-zariah*. Prinsip Islam sedari awal lagi adalah menghalang sebarang keburukan berlaku terhadap diri dan apatah lagi terhadap entiti yang lebih besar iaitu dalam masyarakat, organisasi dan kerajaan. Ia adalah lebih mudah untuk diurus berbanding mengubah atau membasmi kemudaratan apabila ia telah berlaku dan menjadi amalan dan budaya dalam sesebuah masyarakat atau organisasi.

Contoh: Penetapan kriteria dan prosedur yang ketat dalam pelaburan projek pembangunan dan pelaksanaannya mengikut langkah-langkah yang ditetapkan adalah lebih ampuh berbanding menangani isu projek tidak berdaya saing atau 'projek sakit' yang tidak membawa keuntungan.

vii. *Fath al-zari'ah*

فتح الذريعة


Maksudnya: Membuka sesuatu jalan (yang boleh membawa kepada kebaikan).

Huraian: Kaedah ini berlawanan dengan kaedah *sadd al-zariah*. Ia merujuk kepada sesuatu perkara yang asalnya adalah dilarang, tetapi memandangkan terdapat kebaikan jika dilakukan, maka diharuskan jalan untuk mencapai kebaikan.

Contoh: Kerap berlaku kenaikan harga barang yang melampau akibat monopoli, spekulasi harga atau penipuan dalam perniagaan. Pada asasnya syariat tidak menetapkan harga siling pada sesuatu barang. Tetapi memandangkan terdapat kebaikan bagi mengelakkan beban kos hidup terhadap rakyat, pemerintah boleh menetapkan harga siling bagi barang tersebut.

SUBUNIT 4.4.3: PERTIMBANGAN BERDASARKAN KEUTAMAAN

Apabila berlaku pertembungan antara pelbagai *masalah*, maka ia hendaklah dipertimbangkan mengikut keutamaan merujuk kepada perkara-perkara yang berikut (Al-Buti 1973):



Pertimbangan *Maslahah* Mengikut Tahap Kekuatan

Seperti yang ditekankan oleh Imam al-Ghazali, *masalah* bergantung kepada pemeliharaan lima prinsipnya dalam kumpulan *dharuriyat* (keperluan) iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Apabila terdapat pertembungan antara lima perkara (agama, nyawa, akal, keturunan dan harta) ini sama ada dari sudut pemeliharaannya atau mengelakkan keburukan bagi lima perkara tersebut, ia diutamakan mengikut susunannya. Ini bermakna aspek agama diutamakan daripada aspek nyawa, akal, keturunan dan harta.

Jika bertembung antara kepentingan akal dan keturunan, menjaga akal lebih diutamakan daripada aspek keturunan, melainkan terdapat nas dan dalil untuk memberi keutamaan sebaliknya.

Seterusnya, tahap kekuatan dipertimbangkan mengikut keutamaan susunan *dharuriyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat*. Pemeliharaan lima ialah apabila ia mencapai tahap darurat. Prinsip *maslahah* dalam peringkat *dharuriyah* ialah apabila ia mencapai tahap darurat. Ia boleh berlaku dalam dua keadaan sama ada, pertama, dengan melaksanakan sesuatu perkara atau meninggalkan sesuatu perkara demi memelihara lima prinsip tersebut. Sebagai contoh, mencari pekerjaan yang baik untuk menjana pendapatan daripada sumber yang halal demi memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Dalam kelompok *hajiyyat*, pemeliharaan lima prinsip tersebut tidak sampai ke tahap darurat tetapi ia diperlukan untuk memenuhi sesuatu kehendak. Sebagai contoh, seorang individu memilih untuk menggunakan perkhidmatan perbankan patuh syariah demi memelihara hartanya.

Seterusnya di peringkat *tahsiniyyat*, ia adalah pelengkap dan bersifat memperelokkan sesuatu perkara untuk memelihara *maslahah*. Seseorang yang melaburkan hartanya dalam pelaburan patuh syariah boleh dikategorikan sebagai pelengkap dalam usaha memelihara hartanya.

Apabila berlaku pertembungan antara beberapa perkara, maka tindakan yang pertama adalah mengenal pasti kategori antara lima prinsip *maslahah*. Seterusnya, ia dikenal pasti pada tahap kekuatannya. Maka, perkara yang lebih penting berdasarkan susunan yang dinyatakan adalah diutamakan.

Pertimbangan *Maslahah* Mengikut Kumpulan Sasaran

Selain daripada pertimbangan berasaskan kekuatan, apabila berlaku pertembungan, ia diukur melalui kesan *maslahah* kepada golongan sasaran. Implikasi *maslahah* kepada golongan awam lebih diutamakan daripada implikasinya kepada sekelompok komuniti. Implikasi kepada warga organisasi lebih diutamakan daripada implikasinya kepada seorang pekerja. Implikasi untuk mengelakkan penyakit daripada menimpa penduduk di sesebuah daerah lebih diutamakan daripada usaha mengelakkan penyakit daripada menimpa sebuah ahli keluarga sahaja.

يتحمل الضرر الخاص لدفع ضرر عام

Maksudnya: Ditanggung kemudaratan khusus untuk mengelakkan kemudaratan umum.

Contohnya, peniaga menaikkan harga barang untuk memenuhi kepentingannya. Tetapi kerajaan berhak mengawal harga barang seperti harga makanan dan ubat-ubatan menurut nasihat pakar ekonomi dan ahli lain yang selayaknya demi memelihara kemaslahatan orang awam.

Pertimbangan Masalah Mengikut Implikasi

Seterusnya, sesuatu perkara itu hendaklah diyakini dapat memberi kebaikan yang lebih besar berbanding kemudaratannya. Jika kemudaratannya diyakini boleh berlaku dan memberi kesan buruk yang lebih besar, maka perkara tersebut hendaklah dielakkan. Perkara ini dikaitkan dengan kaedah *sadd al-zariah*. Keyakinan terhadap tahap kebaikan dan keburukan yang mungkin terhasil daripada sesuatu tindakan boleh dikenal pasti melalui penelitian, pandangan dan maklum balas atau melalui analisis risiko. Dalam pembangunan sesebuah polisi, sebagai contoh, kajian mendalam dan empirikal dapat membantu memastikan sama ada sesuatu polisi itu akan memberikan kesan baik yang lebih besar atau sebaliknya. Imam al-Qarafi juga menekankan bahawa kaedah *fath al-zariah* iaitu membuka jalan kebaikan perlu dilaksanakan untuk menggalakkan pelaksanaan pelbagai jenis tindakan yang boleh membawa kepada kemaslahatan umum.

SUBUNIT 4.5: MINDA MAQASID DALAM PENILAIAN DASAR DAN POLISI

Penilaian dasar dan polisi adalah proses penting setelah pelaksanaannya. Ia bagi memastikan dasar dan polisi yang digubal memberi manfaat yang besar kepada masyarakat, memastikan keberkesanan yang berpanjangan dan menjamin kesejahteraan selari dengan keperluan semasa.

Oleh yang demikian, penilaian perlu mengambil kira pelbagai aspek merangkumi:



SUBUNIT 4.6: KAJIAN KES

KAJIAN KES 1:

Situasi: Pelan Antirasuah Nasional (*National Anti-Corruption Plan - NACP*) 2019-2023 telah dibangunkan oleh kerajaan untuk mencapai aspirasi supaya "Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah".

Soalan: Sejauh manakah inisiatif yang telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk memerangi amalan rasuah dari perspektif *Maqasid al-Shari'ah*?

KAJIAN KES 2:

Situasi: Pandemik Covid-19 yang melanda dunia pada masa kini menguji tahap kepimpinan pemimpin suatu negara dan organisasi bagi membendung wabak ini. Pentadbiran dan kepimpinan yang kurang proaktif dan cekap akan menyebabkan banyak nyawa terkorban.

Soalan: Oleh itu, bagaimanakah seseorang pemimpin boleh mentadbir dan menguruskan suatu negara dan organisasi mengikut acuan *Maqasid al-Shari'ah*?

KAJIAN KES 3:

Situasi: Satu bahagian diberikan tugas sebagai Jawatankuasa Pelaksana Sambutan Program Maal Hijrah. Namun, terdapat beberapa individu yang tidak menjalankan tugas yang telah diamanahkan dengan sebaiknya sehingga menjejaskan pelaksanaan program tersebut.

Soalan: Berdasarkan situasi di atas, bagaimana *Maqasid al-Shari'ah* sebagai *Standard of Practice* boleh diaplikasikan dalam menyelesaikan masalah di atas?

KAJIAN KES 4:

Situasi: En. Khairul adalah salah seorang pekerja yang selalu datang lewat ke pejabat. Anda adalah merupakan salah seorang pegawai daripada Bahagian Sumber Manusia yang diberikan tanggungjawab untuk menangani masalah tersebut.

Soalan: Bagaimana cara yang terbaik untuk anda lakukan bagi menyelesaikan masalah disiplin En Khairul ini menurut perspektif *Maqasid al-Shari'ah*?

AHLI PANEL
MODUL MINDA MAQASID

Encik Mohd Suhaimi bin Mohd Yusof – JAKIM

Dr. Wan Nadzirah binti Wan Mohamad – JAKIM

Encik Marwan Bukhari bin A. Hamid – Maqasid Institut Malaysia

Dr. Muhammad Safwan bin Harun – Universiti Malaya

Dr. Taqwa binti Zabidi – JAKIM

Dr. Nor Rosnita binti Gani - JAKIM

Encik Mohd Bukhari bin Haliah – JAKIM

Encik Mohd Lukmanul Hakim bin Mokhtar - JAKIM

Puan Norfaiezah binti Mohd Zainal -JAKIM

Encik Ahmad Azizi Bin Bharuddin-JAKIM

Encik Sharizan bin Sahari – JAKIM

Encik Faidzul Fahmi bin Isnin – JAKIM

Puan Safinaz binti Mohd Nor – JAKIM

Puan Rafidah binti Ab Razak – JAKIM

Puan Maryam binti Mohd Zakaria - JAKIM

- Abdullah bin Bayyah, 2018, *Masyahid Min al-Maqasid* (Dubai: al- Muwatta Canter).
- Abd Rauf Muhammad Amin, 2020, *Ijtihad Dari Perspektif Maqasid al-Syariah* (Brunei: Pusat Penerbitan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan).
- Ahmad al-Raysuni, 1999, *al-Fikr al-Maqasidi Qawaiduh wa Fawaiduh* (Casablanca: Matba'ah al-Najah al-Jadidah).
- Ahmad Badri Abdullah, 2018, *Maqasid al-Shari'ah Antara Nas Dan Masalah Suatu Pendekatan Sistem* (Nilai: Ilham Books).
- Basma I. Abdelgafar, 2018, *Public Policy Beyond Traditional Jurisprudence A Maqasid Approach* (IIIT London: Washington).
- Ibn A'shur, Muhammad al-Tahir, 1947, *Maqasid al-Syariah al-Islamiah* (Tunisia: Darussalam).
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2020, *Minda Maqasid Mencorak Pemikiran dan Merencana Strategi Selaras Tuntutan Maqasid Syariah* (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia).
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2019, *Pelopor Teori Maqasid Syariah* (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia).
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2019, *Tadbir Urus Berteraskan Maqasid Syariah* (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia).
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2022, *Keluarga Malaysia Keluarga Sejahtera* (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia).
- Jasser Auda, 2017, *Panduan Pemula Maqasid Al-Shari'ah*. Terj. Marwan Bukhari A. Hamid. (Shah Alam: IDE research Centre Sdn Bhd).
- Jasser Auda, 2021, *Re-Envisioning Islamic Scholarship Maqasid Methodology As A New Approach* (United Kingdom: Claritas Books).
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2015, *Laporan Penyelidikan Indeks Syariah Malaysia* (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia).
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2017, *Laporan Penyelidikan Indeks Syariah Malaysia* (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia).
- Marwan Bukhari A. Hamid, 2021, *Citra Maqasid Al-Shari'ah: Dari Kelahiran Hingga Kebangkitan* (Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia).
- Muhammad Saad bin Ahmad bin Masud Alyubi, 1998, *Maqasid al-Syariah al-Islamiah Wa ala qatuha bil Adillati al-Syariah* (Riyadh: Dar al-Hijrah).

- Nur al-din bin Mukhtar al-Khadimi, 1998, *Al-Ijtihad al-Maqasidiy Hujjiyatuhu Dowabituhu Majalatuhu* (Qatar: وزارة الاوقاف والشؤون الاسلامية).
- Rosli Mokhtar dan Mohd Fikri Che Hussain, 2007, *Maqasid al-Syariáh Hikmah Di sebalik Pensyariatan* (Shah Alam: Karya Bestari Sdn Bhd).
- Sheikh Dr. Ahmad al-Raisuni, 2016, *Kebebasan Dan Pembebasan Perbahasan Dalam Konteks Maqasid Syariáh* (Shah Alam: IDE Research Centre Sdn Bhd).
- Tuan Sidek Tuan Muda, 2021, *Panduan Memahami Maqasid Syariah Konsep dan Peranannya dalam Penetapan Hukum Syarak* (Pahang: Universiti Malaysia Pahang).
- Universiti Selangor, 2017, *Kompendium Maqasid al-Shariáh* (Shah Alam: IDE Research Centre Sdn Bhd).
- Wifaaq, t.th, *Asas Ilmu Maqasid Syariah dan Perkembangannya*, <http://www.iyres.gov.my/jdownloads/kertaskerja/ASASILMUMAQASIDSYARIAHDANPERKEMBANGANNYA.pdf> (diakses pada 22 Ogos 2023).
- Yusuf al-Qardawi, 2006, *Dirasah Fi Fiqh Maqasid al-Syariah* (Kaherah, Dar al-Syuru').
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri, 2014, *Maqasid al-Syariah Satu Pengenalan Umum* (Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi).



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
Blok A & B, Kompleks Islam Putrajaya
No.23 Jalan Tunku Abdul Rahman
Presint 3,62100 Putrajaya

 **03-88707000**  **03-88707707**  **www.islam.gov.my**